

**2030**  
**PERAK**  
**SEJAHTERA**



## RINGKASAN EKSEKUTIF



**Perak Makmur, Rakyat Sejahtera**

## KANDUNGAN

1.0	MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN NEGERI PERAK .....	1
1.1	Pengenalan .....	1
1.2	Menelusuri Kegemilangan Negeri Perak .....	3
1.3	Profil Negeri Perak .....	5
2.0	RASIONAL PERAK SEJAHTERA 2030 .....	6
3.0	DENYUT NADI RAKYAT .....	8
4.0	CABARAN PERDANA NEGERI PERAK .....	12
4.1	Migrasi .....	12
4.2	Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40) .....	13
4.3	Masyarakat Menua .....	14
4.4	Ketersediaan Menghadapi Era Pendigitalan .....	16
5.0	POTENSI NEGERI PERAK .....	18
5.1	Lokasi Strategik .....	18
5.2	Kemewahan Sumber .....	19
5.3	Pembangunan Kemahiran .....	20
5.4	Ekonomi Pengalaman .....	27
5.5	Belia Pemangkin Kesejahteraan .....	29
6.0	AGENDA UTAMA PERAK SEJAHTERA 2030 .....	31
6.1	Sekuriti Makanan .....	31
6.2	Ekonomi Digital .....	32
6.3	Pembuatan Keputusan Dipacu Data .....	36
6.4	Perlombongan Lestari (Perlombongan Bertanggungjawab dan Mampan) ..	37
6.5	Koridor TVET Malaysia .....	38
6.6	Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri .....	39
7.0	PRINSIP DAN NILAI BERSAMA PERAK SEJAHTERA 2030 .....	41
7.1	Prinsip Perak Sejahtera 2030 .....	41
7.1.1	Keseimbangan Pembangunan Fizikal dan Sosioekonomi .....	41
7.1.2	Kerjasama Pintar .....	42
7.1.3	Kelestarian Penggunaan Sumber dan Alam Semula Jadi .....	43
7.1.4	Sistem Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap dan Ambil Peduli .....	44
7.1.5	Kepakaran Berkualiti dan Bernilai Tinggi .....	45
7.2	Nilai Bersama Perak Sejahtera 2030 .....	48
8.0	SASARAN PERAK SEJAHTERA 2030 .....	49

8.1	Sejahtera Sosial .....	49
8.2	Sejahtera Ekonomi.....	50
8.3	Sejahtera Politik .....	50
8.4	Unjuran Perak Sejahtera 2030 .....	51
9.0	PERAK SEJAHTERA 2030 .....	52
9.1	Rumah Perak Sejahtera 2030 .....	52
9.2	Catatan Pacuan .....	53
9.2.1	Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Analitis Data Raya .....	54
9.2.2	Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Pembangunan Modal Insan... ..	55
9.2.3	Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Direktori Sehenti Projek Pembangunan Negeri Perak .....	55
10.0	PEMANTAUAN OUTPUT DAN KEBERHASILAN PERAK SEJAHTERA 2030 .. .....	60
10.1	Indeks Kesejahteraan Perak .....	62
10.1.1	Petunjuk Sasaran Keberhasilan Perak Sejahtera 2030 .....	64
10.2	Pemantauan Keberhasilan Berteraskan Model Ekonomi Donat .....	73
11.0	PROGRAM <i>FLAGSHIP</i> PERAK SEJAHTERA 2030 .....	75
	Program <i>Flagship</i> 1: Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan) .....	75
	Program <i>Flagship</i> 2: Perumahan Sejahtera .....	75
	Program <i>Flagship</i> 3: Perlombongan Mampan.....	76
	Program <i>Flagship</i> 4: Koridor TVET Malaysia .....	77
	Program <i>Flagship</i> 5: Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat .....	78
	Program <i>Flagship</i> 6: Membasmi Miskin Tegar 2025 .....	80
	Program <i>Flagship</i> 7: Program Menyantuni Golongan Rentan .....	81
	Program <i>Flagship</i> 8: Agenda Perak Sihat Sejahtera.....	83
	Program <i>Flagship</i> 9: Program Mesra Pelabur.....	84
	Program <i>Flagship</i> 10: Ekonomi Pengalaman.....	85
	Program <i>Flagship</i> 11: Ekonomi Digital Negeri Perak .....	87
	Program <i>Flagship</i> 12: Sumber Air dan Sumber Tenaga Boleh Baharu.....	90
	Program <i>Flagship</i> 13: Hab Maritim dan Pelabuhan Nusantara .....	90
	Program <i>Flagship</i> 14: Pusat Kecemerlangan Balai Cerap Negara .....	91
	Program <i>Flagship</i> 15: Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027 .....	91
	Program <i>Flagship</i> 16: SMART Perak.....	92
	Program <i>Flagship</i> 17: Komuniti Perak Sejahtera .....	93
	Program <i>Flagship</i> 18: Santuni Orang Asli .....	94

12.0	NARATIF, <i>NICHE</i> DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DAERAH .....	96
12.1	Daerah Hulu Perak.....	96
12.1.1	Naratif .....	96
12.1.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	99
12.2	Daerah Kerian.....	100
12.2.1	Naratif .....	100
12.2.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	101
12.3	Daerah Larut, Matang dan Selama .....	102
12.3.1	Naratif .....	102
12.3.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	104
12.4	Daerah Bagan Datuk.....	105
12.4.1	Naratif .....	105
12.4.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	107
12.5	Daerah Hilir Perak.....	108
12.5.1	Naratif .....	108
12.5.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	110
12.6	Daerah Batang Padang.....	111
12.6.1	Naratif .....	111
12.6.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	113
12.7	Daerah Muallim .....	114
12.7.1	Naratif .....	114
12.7.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	115
12.8	Daerah Kuala Kangsar.....	116
12.8.1	Naratif .....	116
12.8.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	117
12.9	Daerah Kampar.....	118
12.9.1	Naratif .....	118
12.9.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	120
12.10	Daerah Perak Tengah.....	121
12.10.1	Naratif .....	121
12.10.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	124
12.11	Daerah Manjung .....	125
12.11.1	Naratif .....	125
12.11.2	<i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	127
12.12	Daerah Kinta.....	128

12.12.1 Naratif .....	128
12.12.2 <i>Niche</i> dan Projek Berimpak Tinggi .....	130
13.0 STRUKTUR TADBIR URUS DAN RUMUSAN PERAK SEJAHTERA 2030 .	131
13.1 Struktur Tadbir Urus Perak Sejahtera 2030 .....	131
13.2 Rumusan.....	136
14.0 RUJUKAN .....	137

## **1.0 MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN NEGERI PERAK**

### **1.1 Pengenalan**

Rakyat Perak sedang mengharungi kerencaman, kerapuhan, ketidaktentuan dan ketidakpastian kehidupan sosial, ekonomi dan politik. Krisis kesihatan, alam sekitar, ketidakstabilan harga komoditi dan peningkatan kos hidup merupakan antara yang terkini memberi kesan serius kepada rakyat Perak. Krisis kehidupan ini memerlukan pentadbiran negeri mengadaptasi pengurusan yang lebih sistematik dan cekap di samping mencipta kejayaan baharu dengan menggantikan strategi orde lama kepada strategi yang lebih relevan.

Pandemik COVID-19 telah memberi implikasi yang ketara kepada sosioekonomi negara Malaysia secara amnya dan negeri Perak secara khususnya. Kesan pandemik COVID-19 ini menyebabkan masyarakat seluruh dunia berdepan dengan ancaman nyawa dan mengubah gaya hidup manusia bagi menyesuaikan diri dengan kebiasaan baharu.

Dokumen ini membentangkan hala tuju negeri Perak bertepatan dengan hakikat sebenar yang dihadapi ketika ini. Kerajaan Negeri Perak di bawah kepimpinan YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Menteri Besar Perak telah merangka Perak Sejahtera 2030 sebagai garis panduan bagi pembentukan dasar, inisiatif dan agenda utama negeri bagi tahun 2022-2030. Pelan ini dihasilkan selari dengan Rancangan Struktur Negeri Perak dan pelan pembangunan negeri Perak yang lain di samping mengambil kira isu dan cabaran yang sedang dan bakal dihadapi oleh negeri Perak.

Pelan ini memanfaatkan segala sumber dan menggunakan jaringan strategik tersedia di samping menerokai peluang-peluang baharu bagi memastikan pembangunan dapat direalisasikan demi kesejahteraan rakyat. Pelan ini akan

menekankan keperluan dan kualiti hidup rakyat dan alam sejagat sebagai asas utama demi kelestarian dan kesejahteraan semua.

Selain itu, pelan ini juga menggunakan pendekatan yang lebih proaktif, berpaksikan konsep bersama-sama rakyat demi membina masa depan sebuah negeri yang mengutamakan kesejahteraan insan dan alam sejagat sejajar dengan Model Ekonomi Donat<sup>1</sup>.

Satu pendekatan yang terancang perlu diambil bagi menyelaraskan matlamat dan sasaran yang jelas dan boleh diukur bagi memastikan badan-badan pelaksana dapat membuat keputusan yang lebih baik dan tepat. Justeru, pelan ini membantu negeri Perak untuk terus berkembang, membangun dan maju seiring dengan pembangunan nasional.

Semua lapisan masyarakat perlu mendukung pelan ini agar kesejahteraan dapat dikecap bersama. Kemajuan yang sempurna tidak hanya diukur daripada segi pencapaian ekonomi tetapi ia juga dilambangkan dengan kesejahteraan insan dan alam sejagat. Bagi merealisasikan hasrat ini, perancangan yang teliti merupakan sesuatu yang sangat penting bagi memandu semua pihak yang terlibat secara holistik. Pendekatan yang diambil juga perlu mengambil kira *Megatrend*<sup>2</sup> dan suasana VUCA<sup>3</sup> (*Volatile, Uncertain, Complex, Ambiguous*) di peringkat global.

---

<sup>1</sup> Model ekonomi donat ialah kerangka pembangunan mampan yang menitikberatkan keseimbangan alam raya dan kesejahteraan sosial, ekonomi dan politik.

<sup>2</sup> Perubahan teknologi ke arah pembangunan ekonomi global dan makro yang memberi kesan terhadap perniagaan, ekonomi, masyarakat, budaya dan kehidupan peribadi individu untuk didefinisikan sebagai dunia masa hadapan dan perubahan yang kian pesat/meningkat.

<sup>3</sup> VUCA merujuk kepada ketidakstabilan (*Volatility*), ketidakpastian (*Uncertainty*), kerumitan (*Complexity*) dan ketaksaan (*Ambiguity*) dunia kesan daripada revolusi industri dan pandemik COVID-19 yang begitu pantas. Ketidakpastian yang ketara mempunyai implikasi terhadap ketidakstabilan ekonomi, kewangan dan politik sesebuah negara.

Justeru, Perak Sejahtera 2030 ini dirangka untuk menjadi garis panduan bagi mencapai matlamat utama negeri, Perak Makmur, Rakyat Sejahtera.

## **1.2 Menelusuri Kegemilangan Negeri Perak**

Ekonomi komersial Tanah Melayu berkembang pesat dengan perkembangan perusahaan bijih timah diikuti dengan perusahaan getah. Kedua-dua perusahaan ini menjadi nadi dan sumber pendapatan utama Tanah Melayu dengan sumbangan 20 peratus daripada jumlah permintaan bijih timah dunia yang sebahagian besarnya disumbangkan oleh negeri Perak sehingga abad ke-20. Punca hasil kekayaan negeri Perak bermula dengan sumber alam semula jadi, antaranya sumber hutan seperti kayu-kayan dan sumber galian terutamanya bijih timah.

Pada akhir kurun ke-19, Tanah Melayu merupakan penyumbang utama bijih timah dunia, sebanyak 55 peratus. Faktor bijih timah ini telah memberi impak kepada Tanah Melayu terutamanya dalam revolusi perindustrian. Impak besar yang berlaku adalah kemasukan peneroka-peneroka Cina di Negeri-negeri Selat (NNS), dasar campur tangan British, penubuhan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB), kaedah melombong bijih timah yang lebih moden, perkembangan dalam bidang pengangkutan dan komunikasi serta pertumbuhan bandar.

Hasil daripada perkembangan sosioekonomi ini, negeri Perak menjadi penyumbang tertinggi kepada KDNK Tanah Melayu, iaitu sebanyak 60 peratus sehingga tahun 80-an. Ia sekali gus menjadikan negeri Perak negeri terkaya di Tanah Melayu. Negeri Perak turut mempelopori banyak perkara di Tanah Melayu, antaranya kereta pertama di Tanah Melayu diperkenalkan pada tahun 1941, landasan kereta api pertama di Tanah Melayu dibina dari Taiping ke Port Weld pada tahun 1885 dan sistem perhubungan telegraf pertama di Tanah Melayu diwujudkan di negeri Perak



pada tahun 1886. Rentetan itu, Ipoh telah berkembang daripada sebuah perkampungan kecil pada tahun 1880-an menjadi bandar utama di negeri Perak pada tahun 1911.

Kegemilangan negeri Perak mula menampakkan kemerosotan sekitar tahun 1980-an apabila kebergantungan terhadap bijih timah di pasaran dunia semakin berkurang. Krisis kejatuhan harga bijih timah dunia telah memberi kesan kepada ekonomi negeri Perak sekali gus menyebabkan masalah migrasi berlaku.

Sejarah panjang kegemilangan dan kejatuhan negeri Perak ini menjadikannya sebuah negeri yang kaya dengan pengalaman. Justeru, sejarah ini boleh diteladani bagi memacu negeri Perak untuk terus berkembang pesat dan kompetitif seiring dengan negeri-negeri lain di Malaysia.

### 1.3 Profil Negeri Perak

#### Demografi Penduduk

LELAKI  
1.30 JUTA

PEREMPUAN  
1.20 JUTA



**30.8**  
tahun

Negeri ke-4 mencatatkan umur penengah yang tinggi


**2.5**  
juta

Antara 5 negeri yang mempunyai penduduk paling ramai

96.5% (2020)

3.5% (2020)

#### Penduduk Perak Mengikut Kumpulan Umur



Umur 0 - 14 tahun

Umur 15 - 64 tahun

65 tahun ke atas

Kadar  
Pertumbuhan  
Penduduk Perak

**0.8%**

Kadar Pertumbuhan  
Penduduk Malaysia

**1.7%**

#### Tenaga Buruh di Perak

Jumlah: **61,837** (Sumber: JAKOA)



**1.10 juta**

**64.3%**

Kadar Penyertaan  
Tenaga Buruh

#### Penduduk Orang Asli (2020)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020

## **2.0 RASIONAL PERAK SEJAHTERA 2030**

Perak Sejahtera 2030 merupakan sebuah pelan pembangunan negeri komprehensif yang dirangka untuk pembangunan jangka panjang negeri Perak. Pelan pembangunan ini dibangunkan berlandaskan tiga (3) asas utama, iaitu dinamik, realistik dan boleh capai dengan berpaksikan matlamat Perak Makmur, Rakyat Sejahtera yang bertujuan untuk memacu pembangunan sosioekonomi yang dinamik dan mampan. Pelan yang dibangunkan oleh Kerajaan Negeri ini merupakan penunjuk arah untuk jentera kerajaan bagi pembangunan negeri Perak menuju 2030.

Pelan ini merupakan kesinambungan kepada pelan-pelan pembangunan yang terdahulu dan menggarapkan pelan pembangunan jangka masa sederhana dan panjang di peringkat negeri, persekutuan dan antarabangsa, antaranya Rancangan Struktur Negeri 2040, Pelan Pembangunan Perak Amanjaya 2020 (PAJ), Pelan Perindustrian Perak (P3), Rancangan Malaysia Ke-12, Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2021-2025, Perak Lestari 2030, Perak Sustainable Development Model (Yayasan Hasanah) dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (IKRM) juga dijadikan rujukan utama dalam pembinaan Perak Sejahtera 2030. IKRM dimanfaatkan untuk mengukur tahap kesejahteraan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Di samping itu, pelan pembangunan ini turut menyokong dan menepati usaha negara menuju Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030). Kitaran pembangunan dan pengurusan Pelan Perak Sejahtera 2030 adalah seperti berikut:

**Rajah 2.1: Kitaran Pembangunan dan Pengurusan Perak Sejahtera 2030**



Bagi mencapai hasrat ini, pengurusan sumber negeri perlu cekap, berkesan, cepat dan tepat untuk memastikan kesejahteraan rakyat tercapai.

### 3.0 DENYUT NADI RAKYAT

Perak Sejahtera 2030 menerapkan pendekatan perundingan (*consultative*) dengan mengadakan sesi libat urus bersama-sama semua lapisan masyarakat.

Sesi libat urus atau proses merakyatkan sistem penyampaian kerajaan diadakan untuk menelusuri idea-idea rakyat yang boleh dijadikan input bagi memantapkan polisi negeri untuk manfaat masa hadapan sekali gus memastikan elemen pembuatan keputusan dipacu data dapat diaplikasikan. Sehingga kini, Institut Darul Ridzuan (IDR) telah mengkoordinasi lebih 50 sesi libat urus bermula daripada pelancaran hala tuju (*roadmap*) Perak Sejahtera yang melibatkan 11 kumpulan sasaran dan pemegang taruh yang mewakili pelbagai lapisan masyarakat. Dapatan analisis SWOT sesi libat urus yang diadakan pada 1 dan 4 Mac 2021 adalah seperti berikut:

**Jadual 3.1: SWOT Negeri Perak**

<b>Kekuatan</b>	<b>Kelemahan</b>
1) Sumber asli: Kepelbagaian sumber asli.	1) Sumber Asli: Kurang mengoptimumkan sumber asli.
2) Infrastruktur: Kos hartanah yang berpatutan (perumahan atau komersial).	2) Alam Sekitar: Kurang kesedaran.
3) Pendidikan: Ketersediaan pendidikan.	3) Pelancongan: Kurang promosi pelancongan.
4) Ekonomi: Pengeluaran makanan dan mineral.	4) Teknologi: Pengurusan data dan maklumat.
5) Alam Sekitar: Persekitaran yang menarik dan bersesuaian.	5) Tadbir Urus: Birokrasi.
6) Pelancongan:	6) Infrastruktur: Pelbagai kelemahan.

<p>Kepelbagaian tarikan pelancongan.</p>	<p>7) Ekonomi: Sumber pendapatan yang terhad dan pendapatan boleh guna yang rendah.</p> <p>8) Tenaga kerja / bakat: Kekurangan bakat tempatan dengan keupayaan tertentu bagi menyertai industri berteknologi tinggi.</p>
<p><b>Peluang</b></p>	<p><b>Ancaman</b></p>
<p>1) Pelancongan: Pelbagai aktiviti pelancongan dan pelancongan kesihatan.</p> <p>2) Teknologi: Menerapkan pendigitalan dalam keusahawanan, sukan dan ekonomi.</p> <p>3) Modal Insan: Bilangan tenaga kerja, pendidikan dan kemahiran.</p> <p>4) Tenaga: Solar dan tenaga hidro.</p> <p>5) Pendidikan: Pelbagai peluang pendidikan.</p> <p>6) Ekonomi: Bersempadan dengan negeri maju dan pesisiran pantai.</p> <p>7) Sumber: Menarik pelaburan asing.</p>	<p>1) Sumber Asli: Kekurangan sumber dan pencemaran alam sekitar.</p> <p>2) Teknologi: Keselamatan siber, jaringan Internet.</p> <p>3) Modal Insan: Migrasi, pendatang asing tanpa izin (PATI).</p> <p>4) Tadbir urus: Peluang penyalahgunaan kuasa.</p> <p>5) Ekonomi: Perbelanjaan pembangunan yang terhad, aktiviti ekonomi haram dan tiada tarikan pelabur asing.</p> <p>6) Pertumbuhan kemudahan infrastruktur di negeri-negeri berhampiran.</p>

Dapatan daripada semua sesi libat urus yang dijalankan bermula Mac 2021 hingga Februari 2022 juga telah dianalisis dan tujuh (7) cabaran utama berjaya dikenal pasti seperti berikut:

**Jadual 3.2: Cabaran Utama berdasarkan Dapatan daripada Analisis SWOT dan Sesi Libat Urus**

Bil.	Cabaran Utama	Perincian
1.	Infrastruktur	Kemudahan awam perlu diperkasakan seperti capaian jalur lebar, jalan negeri dan jalan kampung, saliran dan saluran.
2.	Sumber manusia	Pembangunan modal insan dan peluang pekerjaan.
3.	Penyelenggaraan sumber dan alam sekitar	Sumber sedia ada perlu diselenggarakan dan dipantau menggunakan sistem pengurusan berteknologi bagi menjamin kelestarian alam sekitar termasuk sisa pepejal. Di samping itu, sumber tenaga boleh baharu seperti tenaga solar perlu diterokai bagi memastikan sumber tenaga mencukupi untuk menampung aktiviti ekonomi.
4.	Tadbir urus, dana dan pelaksanaan	Meningkatkan integriti, mengurangkan birokrasi, dan menuju ke arah pendigitalan.
5.	Sumber ekonomi	Potensi ekonomi baharu, memperluaskan dan menyemarakkan ekonomi rakyat dan menitikberatkan penciptaan tambah nilai.
6.	Pendidikan	Memperluaskan capaian terhadap pendidikan yang berkualiti, pendemokrasian pendidikan. Mempelbagaikan insentif dan pembiayaan pendidikan.
7.	Sosiodemografi dan psikososial	Kemudahan terhadap golongan rentan, OKU dan warga tua, kesihatan mental; program gaya hidup sihat dan perumahan mampu milik untuk rakyat.

Hasil dapatan data dan maklumat yang diperoleh daripada sesi libat urus menjadi asas kepada proses pembuatan keputusan di peringkat negeri bagi memastikan tiada rakyat yang tercicir dalam pembangunan negeri.




#### 4.0 CABARAN PERDANA NEGERI PERAK

Kehidupan berkualiti merupakan harapan rakyat Perak terhadap pembangunan negeri pada masa hadapan. Kehidupan berkualiti ini merangkumi kehidupan berkualiti daripada segi sosioekonomi, sosiopolitik dan politikonomi. Cabaran utama bagi memenuhi kehidupan berkualiti rakyat Perak yang diperolehi melalui sesi libat urus telah diperhalusi untuk mengenal pasti cabaran perdana negeri Perak. Berikut merupakan empat (4) cabaran perdana yang perlu diberi penekanan bagi melonjakkan pertumbuhan negeri ini.

#### 4.1 Migrasi

Laporan Survei Migrasi Malaysia 2010 - 2020 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan aliran negatif migrasi bersih negeri Perak. Ia bermaksud aktiviti migrasi keluar lebih tinggi daripada migrasi masuk. Jika aliran negatif ini berterusan, ia akan memberi tekanan kepada sumber manusia yang merupakan keperluan yang sangat penting bagi kegiatan ekonomi.




**Rajah 4.1: Migrasi Negeri Perak 2010 - 2020**

Rajah 4.1 menunjukkan aliran migrasi negeri Perak dari tahun 2010 hingga 2020. Kumpulan umur 25 - 34 tahun mendominasi peratusan migrasi dalam pada tahun

2020, seramai 33.5 peratus. Sebahagian besar penduduk dalam kumpulan ini berhijrah kerana kerjaya, seramai 32 peratus. Ia diikuti dengan kumpulan umur 15 - 24 tahun, seramai 25.3 peratus. Migrasi keluar kumpulan umur ini akan menyebabkan negeri Perak mengalami kekurangan modal insan yang sangat besar dan menjadi salah satu faktor penyumbang kepada masyarakat menua.

#### 4.2 Kumpulan Isi Rumah Berpendapatan 40 Peratus Terendah (B40)

Negeri Perak kekal di kedudukan pertama negeri yang mempunyai bilangan B40 tertinggi, iaitu 57.8 peratus dengan jumlah median pendapatan RM 4,111.90 pada tahun 2019. Rajah 4.2 menunjukkan senario peningkatan kadar kumpulan B40 dari tahun 2016 hingga 2019:



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2020)

Rajah 4.2: Peratusan Isi Rumah B40 Negeri Perak Tertinggi 2016 - 2019

Daerah Hulu Perak dan Hilir Perak menyumbang kepada peratusan golongan miskin tertinggi di negeri Perak, masing-masing 12.9 peratus dan 12 peratus. Sementara itu, daerah Kinta merupakan daerah yang terendah dengan anggaran 4.9 peratus golongan miskin.


Cabaran ini membuktikan bahawa sistem sokongan dan jaringan keselamatan sosial perlu diperkukuhkan bagi memastikan golongan ini tidak terpinggir dalam arus pembangunan negara dan terus menikmati kelangsungan hidup bagi menghadapi peningkatan kos sara hidup.

### **4.3 Masyarakat Menua**

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), masyarakat menua merujuk kepada keadaan apabila peratusan penduduk dunia berumur 65 tahun dan ke atas mencecah 7 peratus, manakala masyarakat tua apabila peratusan tersebut mencecah 14 peratus dan masyarakat sangat tua apabila peratusan mencecah 21 peratus.

Peningkatan kadar penuaan memberi implikasi kepada sektor ekonomi dan sosial. Daripada segi ekonomi, terdapat beban kewangan terhadap individu, ahli keluarga dan juga kerajaan. Manakala daripada segi sosial pula, ia melibatkan penyediaan kemudahan perumahan dan kesihatan yang memerlukan perbelanjaan yang besar. Peningkatan bilangan warga tua juga dilihat sebagai satu faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos perbelanjaan awam. Ketidakseimbangan dalam peningkatan warga tua yang tidak bekerja berbanding golongan penduduk yang aktif bekerja akan menyebabkan kos perbelanjaan pencen, perubatan dan penjagaan meningkat.

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) menggariskan tiga (3) cabaran utama bagi penuaan penduduk, iaitu kurang simpanan hari tua, kehidupan kurang sihat dan kesunyian. Masalah yang berkaitan dengan kecukupan simpanan untuk persaraan dalam kalangan mereka yang bakal bersara boleh dianggap membimbangkan. Dalam konteks semasa, masalah kewangan pada usia emas boleh menambah tekanan kepada golongan berusia kerana kekangan ini boleh menyebabkan mereka berhadapan dengan kesukaran dalam mengharungi hari tua.



**Rajah 4.3: Peratusan Penduduk Berumur 65 Tahun dan ke atas Mengikut Etnik bagi Negeri Perak 2010 - 2020**

Rajah 4.3 menunjukkan aliran peningkatan warga tua di negeri Perak selama 10 tahun. Pada tahun 2010, 7.7 peratus komposisi penduduk di negeri Perak adalah berumur 65 tahun dan ke atas dan dianggarkan meningkat kepada 11 peratus daripada 2.51 juta orang penduduk pada tahun 2020, lebih tinggi daripada Malaysia, iaitu 6.73 peratus. Memandangkan proses penuaan ialah suatu realiti dan fenomena semula jadi, maka wajarlah untuk Kerajaan Negeri mendepani isu ini bagi menghadapi cabaran yang bakal ditempuhi.

#### **4.4 Ketersediaan Menghadapi Era Pendigitalan**

Perkembangan pantas teknologi dan maklumat telah membawa perubahan besar kepada manusia sejagat. Di seluruh pelosok dunia, terutamanya semenjak pandemik COVID-19, proses pendigitalan telah mengubah atur cara kehidupan manusia. Ketersediaan negeri Perak dalam menghadapi era pendigitalan perlu dilihat secara menyeluruh. Ia merangkumi aspek capaian Internet dan jalur lebar, infrastruktur, tenaga kerja dan perkembangan ekonomi digital.

Ekonomi digital didefinisikan sebagai aktiviti pengurusan sosioekonomi, sosiopolitik, politikonomi dan sosial yang melibatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi digital oleh individu, perniagaan dan kerajaan. Rakyat kini mempunyai kesedaran yang lebih tinggi mengenai hak mereka untuk mendapatkan kehidupan berkualiti menerusi maklumat mengenai perkhidmatan kerajaan di samping mengharapkan kualiti penyampaian perkhidmatan pada tahap yang memuaskan. Hal ini mendesak kerajaan untuk lebih kreatif dan inovatif dalam memberikan perkhidmatan seiring dengan permintaan rakyat.

Ia menjadi lebih signifikan apabila pertumbuhan ekonomi dunia kini dipacu oleh pendigitalan. Tingkah laku pengguna telah beralih kepada pemilihan urusan yang cepat dan mudah menerusi Internet dan telefon mudah alih. Pandemik COVID-19 telah menjadikan ekonomi digital semakin penting bagi memastikan kelangsungan aktiviti sosial dan ekonomi. Penggunaan Internet dan kemajuan teknologi telah menyumbang kepada pertumbuhan data yang pesat sebagai komoditi masa hadapan. Walau bagaimanapun, negara akan menghadapi risiko peningkatan jurang digital jika usaha pendigitalan tidak diuruskan dengan sebaiknya. Kerajaan perlu menguasai pendigitalan dan meraih peluang yang muncul daripada perubahan ini untuk terus kekal relevan dan berdaya saing demi kesejahteraan semua.

Bagi mengenal pasti tahap ketersediaan data raya di Perak, Kajian Ketersediaan Data Raya dalam kalangan agensi-agensi negeri Perak telah dijalankan oleh Institut Darul Ridzuan. Hasil daripada kajian mendapati bahawa hanya 47 peratus pegawai memiliki kemahiran berkaitan Analitis Data Raya (*Big Data Analytics*). Manakala 54 peratus pegawai menyatakan organisasi mereka memiliki ketersediaan data, perisian dan perkakasan. Kajian turut mendapati 56 peratus organisasi telah bersedia dengan strategi pelaksanaan data raya. Walau bagaimanapun, hanya 27 peratus organisasi bersedia dengan peruntukan sekali gus memberikan gambaran bahawa kesedaran organisasi di negeri Perak terhadap ketersediaan berkaitan data raya masih rendah.

Semua ini memerlukan satu pendekatan untuk mengimbangi harapan dan keperluan rakyat di samping kemampuan kerajaan bagi mendepani cabaran-cabaran ini secara holistik.

## **5.0 POTENSI NEGERI PERAK**

Potensi yang dimiliki oleh negeri Perak perlu dijadikan kekuatan untuk melonjakkan usaha merangkum kesemua aspirasi kerajaan di bawah satu matlamat dalam menyejahterakan negeri Perak. Lima (5) potensi telah dikenal pasti:

### **5.1 Lokasi Strategik**

Keistimewaan negeri Perak terserlah menerusi perjalanan sejarahnya. Kepentingan negeri Perak di rantau Nusantara Melayu dikesan seawal abad ke-15 seperti yang tercatat dalam kebanyakan catatan klasik Melayu seperti Sulalatus Salatin yang menunjukkan bahawa negeri ini menjadi tumpuan kegiatan sosial, ekonomi dan politik termasuk hubungan dengan kerajaan-kerajaan di luar alam Melayu. Kedudukan dan kemewahan sumber alamnya menjadikan negeri Perak sebagai tapak pilihan campuran tangan Inggeris terhadap Tanah Melayu apabila termeterainya Perjanjian Pangkor pada tahun 1874.

Negeri Perak sebagai negeri kedua terbesar di Semenanjung Malaysia (20,998 km<sup>2</sup>) mempunyai kedudukan alam yang cukup strategik dengan 230 km jaluran pantai (RSN 2040) dan bertulang belakangkan Banjaran Titiwangsa (500 km), Banjaran Bintang (1,373 m) dan Banjaran Kledang (808 m).

Negeri Perak menikmati persekitaran sosial, ekonomi dan politik domestik dan antarabangsa yang amat istimewa. Di samping terletak di antara negeri maju Selangor dan Pulau Pinang, negeri Perak turut bersempadan dengan tiga (3) buah negeri yang kaya dengan sumber alam, iaitu Kedah, Kelantan dan Pahang. Daripada sudut antarabangsa pula, negeri ini berjiran dengan dua (2) buah negara utama ASEAN, iaitu Thailand dan Indonesia. Faktor geografi negeri Perak ini menjanjikan

kesejahteraan buat rakyatnya sekiranya diuruskan dengan cekap dan berkesan. Pembangunan pesat ini menjadikan negeri Perak sebagai tumpuan migrasi penduduk dari negeri dan negara luar yang secara langsung meningkatkan sumber manusia separa mahir dan mahir. Seterusnya, ia meningkatkan industri pembinaan dan sektor industri berkaitan perkhidmatan seperti kewangan, peruncitan, perhotelan, pelancongan dan sebagainya bagi menyokong pertumbuhan pesat sektor utama dan sektor kedua ekonomi negeri.

## **5.2 Kemewahan Sumber**

Negeri Perak merupakan antara negeri yang kaya dengan kepelbagaian hidupan semula jadi dan sumber mineral yang tidak ternilai. Negeri ini dilimpahi dengan kurniaan hutan hujan tropika yang tertua di dunia, iaitu Hutan Hujan Tropika Belum-Temenggor (BTTR) yang terletak di Hulu Perak. Kewujudan BTTR dilihat berpotensi menjadi tarikan ekopelancongan. Kawasan ini juga dilihat sesuai untuk dibina pusat penyelidikan kepelbagaian hidupan bagi menyokong usaha penyelidikan kepelbagaian hidupan dan mengukuhkan lagi tarikan ekopelancongan di daerah ini.

Kuala Sepetang dan Kuala Gula yang menawarkan konsep hutan ekopelancongan pula mula menjadi tumpuan rakyat untuk pelancongan domestik. Aktiviti ekopelancongan ini dimeriahkan lagi dengan adanya beberapa buah tempat seperti Bandar Warisan Taiping, Gua Tempurung dan Lenggong yang diisytiharkan sebagai Tapak Arkeologi Warisan Dunia (*World Heritage Archaeological Site*) oleh UNESCO, Pulau Sembilan, Teluk Senangin, Pulau Pangkor dan lain-lain lagi. Sektor ekopelancongan sangat penting kepada negeri Perak kerana ia mempunyai banyak potensi yang boleh ditawarkan. Hal ini dibuktikan dengan kejayaan negeri Perak



mencatatkan jumlah pelancong domestik ketiga tertinggi dalam negara selama sembilan (9) tahun berturut-turut dari tahun 2012 hingga 2020.

Selain daripada sumber kepelbagaian hidupan semula jadi, negeri Perak juga dilimpahi dengan kekayaan sumber mineral seperti bijih timah, batu, batu kapur dan pasir. Ia menyumbang RM 457.5 juta atau 0.6 peratus kepada KDNK Negeri pada tahun 2020. Di samping itu, perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (NR-REE) merupakan sumber baharu dalam usaha kerajaan menjana pendapatan untuk kepentingan negeri.

Negeri Perak kini sedang meneroka peluang untuk membangunkan industri hiliran dan hulu berkaitan mineral untuk menjadi peneraju nilai rantai mineral yang terkemuka di Asia. Kawasan bekas lombong timah berpotensi untuk ditebus guna dan dimanfaatkan sebagai kawasan ternakan itik dan ikan air tawar bagi tujuan kegunaan tempatan dan dieksport. Kedudukannya yang bersempadan dengan Selat Melaka sepanjang 230 km jaluran pantai dan aliran sungai, tasik dan bekas tapak lombong meningkatkan lagi potensi untuk menjadikan negeri Perak sebagai pengeluar ikan utama negara.

### **5.3 Pembangunan Kemahiran**

Kesedaran dan penerimaan rakyat terhadap perkara asas yang membentuk sebuah negeri maju merupakan prasyarat untuk membina sebuah negeri yang harmoni dan berkembang pesat. Falsafah rakyat yang berdisiplin dan komited merupakan asas bagi memastikan negeri Perak terus kekal membangun secara mampan dengan pengagihan kemewahan yang adil dan saksama dalam kalangan rakyat.

Berdasarkan Rancangan Malaysia Ke-11, Pelan Pembangunan Perak Amanjaya 2020 (PAJ) dan inisiatif pelan lain, Kerajaan Negeri perlu terus menjayakan agenda penyediaan dan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan untuk pertumbuhan sosioekonomi dan pembangunan industri pada masa hadapan. Beberapa isu yang perlu ditangani termasuk meningkatkan kecekapan pasaran buruh, memperkasa program *Technical and Vocational Education and Training* (TVET) dan mengukuhkan pembelajaran sepanjang hayat. Ia penting bagi memenuhi permintaan industri, menarik pelaburan dan meningkatkan kemahiran modal insan.

Di bawah inisiatif perancangan strategik masa depan negeri Perak, pergantungan kepada pekerjaan berkemahiran rendah atau intensif buruh akan berkurang kerana pengetahuan dan inovasi akan menjadi pemacu pekerjaan masa hadapan. Manakala peluang pekerjaan berkemahiran tinggi berkaitan TVET dijangka meningkat bagi memenuhi keperluan industri. Dalam hal ini, negeri meletakkan TVET sebagai faktor pemboleh ubah utama yang akan membentuk tenaga kerja berkemahiran tinggi seiring kemajuan negara dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) termasuk keperluan era ekonomi digital.

Pembangunan bakat dan kemahiran merupakan satu daripada empat (4) dasar pemangkin Rancangan Malaysia Ke-12. Fokus yang diberikan termasuk penumpuan terhadap bakat berkemahiran tinggi bagi memenuhi keperluan industri dan meningkatkan kualiti perkhidmatan. Dalam usaha ke arah menjadi sebuah negeri maju, Kerajaan Negeri perlu memupuk pembangunan modal insan dan tenaga kerja untuk disesuaikan dengan keperluan ekonomi termasuk ekonomi digital. Di bawah program tersebut, kerajaan perlu mengenal pasti jenis kursus akademik dan TVET yang ditawarkan bagi memenuhi permintaan tenaga kerja dalam industri.

Di negeri Perak, terdapat 100 buah institusi yang merangkumi 62 buah institusi TVET dan 38 buah Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di 12 buah daerah yang menawarkan pelbagai program akademik dan kemahiran. Jadual 5.1 menunjukkan jumlah institusi mengikut daerah:

**Jadual 5.1: Bilangan IPT/TVET Mengikut Daerah**

<b>Daerah</b>	<b>Bil.</b>	<b>Institut Pengajian Tinggi (IPT) / TVET</b>
Kerian	1	Kolej Raudah Bukit Merah
	2	Kolej Komuniti Bagan Serai
	3	Kolej Vokasional Kerian
	4	Kolej Kemahiran Segatronic Parit Buntar
	5	Giatmara Parit Buntar
	6	Giatmara Bagan Serai
Larut, Matang & Selama	1	Kolej Multimedia (Utara)
	2	Kolej Komuniti Taiping
	3	Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Taiping
	4	Kampus Satelit CIIAST ADTEC Taiping
	5	Kolej Vokasional Taiping
	6	Giatmara Bukit Gantang
	7	Giatmara Larut
	8	Giatmara Taiping
	9	Institut Kemahiran Islam Darul Ridzuan
	10	Open University Malaysia (OUM) Taiping
	11	Kolej Kejururawatan Taiping
Hulu Perak	1	Kolej Komuniti Gerik
	2	Kolej Vokasional Gerik
	3	Kolej Komuniti Lenggong

<b>Daerah</b>	<b>Bil.</b>	<b>Institut Pengajian Tinggi (IPT) / TVET</b>
	4	Giatmara Lenggong
	5	Giatmara Gerik
Kuala Kangsar	1	Universiti Sultan Azlan Shah (USAS)
	2	Kolej Komuniti Kuala Kangsar
	3	Kolej Komuniti Sungai Siput
	4	Kolej Vokasional Kuala Kangsar
	5	Giatmara Kuala Kangsar
	6	Giatmara Padang Rengas
	7	Giatmara Sungai Siput
	8	Kolej Risda Perak
Kinta	1	Quest International University
	2	Universiti Kuala Lumpur Kampus Kolej Perubatan Diraja Perak (UniKL-RCMP)
	3	College PIA (The College of Art & Design)
	4	Kompas International College
	5	Kolej Antarabangsa TAJ
	6	Kolej Keris
	7	Kolej Maxwell
	8	Kolej Olympia Ipoh
	9	Kolej Sunway Ipoh
	10	Kolej Politeknik Mara Ipoh
	11	Cosmopoint International College of Technology
	12	Sekolah Kejururawatan Hospital Fatimah
	13	Kolej Teknologi Perak
	14	Politeknik Ungku Omar
	15	Kolej Komuniti Batu Gajah
	16	Kolej Vokasional Lebu Cator
	17	Kolej Vokasional Ipoh

<b>Daerah</b>	<b>Bil.</b>	<b>Institut Pengajian Tinggi (IPT) / TVET</b>
	18	Giatmara Tambun
	19	Giatmara Ipoh Barat
	20	Giatmara Ipoh Timur
	21	Giatmara Batu Gajah
	22	Masterskill Global College
	23	Institut Latihan Perindustrian Ipoh
	24	Institut Evertronics (IE)
	25	Kolej WIT Ipoh
	26	Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak
	27	Pusat Pembangunan Modal Insan Meru
	28	Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ipoh
	29	Kolej Sains Kesihatan Bersekutu Sultan Azlan Shah
Kampar	1	Kolej Komuniti Gopeng
	2	Akademi Kemahiran Kemas Gopeng
	3	Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR)
	4	Giatmara Kampar
	5	Giatmara Gopeng
Perak Tengah	1	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
	2	Kolej Felcra Kg Gajah
	3	Kolej Komuniti Pasir Salak
	4	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Seri Iskandar
	5	Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Seri Iskandar
	6	Kolej Profesional MARA Seri Iskandar
	7	Giatmara Parit
	8	Giatmara Pasir Salak

<b>Daerah</b>	<b>Bil.</b>	<b>Institut Pengajian Tinggi (IPT) / TVET</b>
	9	Kolej Vokasional Seri Iskandar
	10	Institut Pertanian Titi Gantong
	11	Akademi Kemahiran Kemas Seri Iskandar
Muallim	1	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
	2	Politeknik Sultan Azlan Shah
	3	Kolej Vokasional Slim River
	4	Giatmara Tanjong Malim
	5	Open University Malaysia (OUM) Tanjong Malim
Batang Padang	1	Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Tapah
	2	Kolej Komuniti Cawangan Tapah
	3	Giatmara Tapah
Bagan Datuk	1	Politeknik Bagan Datuk
	2	Kolej Komuniti Bagan Datuk
	3	Giatmara Bagan Datuk
	4	Kolej Vokasional Bagan Datuk
Manjung	1	Universiti Kuala Lumpur Kampus Institut Teknologi Kejuruteraan Marin Malaysia (UniKL-MIMET)
	2	Kolej Perikanan Malaysia Lumut
	3	NIATS Oil & Gas and Marine Academy Seri Manjung
	4	Kolej Komuniti Cawangan Manjung
	5	Kolej Vokasional Seri Manjung
	6	Institut Kemahiran Mara (IKM) Lumut
	7	Kolej Vokasional Seri Manjung
	8	Giatmara Beruas
	9	Giatmara Lumut
	10	Open University Malaysia (OUM) Manjung

Daerah	Bil.	Institut Pengajian Tinggi (IPT) / TVET
	11	Kolej Kejururawatan dan Sains Kesihatan Seri Manjung
Hilir Perak	1	Kolej Komuniti Teluk Intan
	2	Giatmara Teluk Intan

Daerah Kinta, Perak Tengah, Manjung dan Larut, Matang dan Selama mempunyai bilangan institusi pendidikan tertinggi di negeri Perak. Berdasarkan Jadual 5.1 menunjukkan daerah Kinta mempunyai bilangan institusi pendidikan tertinggi, iaitu 18 IPT dan 11 TVET. Manakala daerah Manjung dan Larut, Matang dan Selama masing-masing mempunyai 11 buah institusi pendidikan yang merangkumi lima (5) IPT dan enam (6) TVET. Daerah Perak Tengah pula mempunyai tiga (3) IPT dan lapan (8) TVET. Selain itu, daerah Kerian mempunyai lima (5) TVET dan satu (1) IPT. Ia diikuti dengan daerah Hulu Perak, Bagan Datuk dan Hilir Perak yang masing-masing mempunyai lima (5), empat (4) dan dua (2) TVET. Daerah Kuala Kangsar pula mempunyai lapan (8) buah institusi pendidikan yang merangkumi dua (2) IPT dan enam (6) TVET. Seterusnya, daerah Kampar mempunyai empat (4) TVET dan satu (1) IPT. Di samping itu, terdapat tiga (3) TVET dan dua (2) IPT di daerah Muallim. Daerah Batang Padang pula mempunyai dua (2) TVET dan satu (1) IPT.

Selain daripada institusi pendidikan yang ada, terdapat sebuah agensi yang bertanggungjawab membangunkan kemahiran, iaitu Pusat Pembangunan Modal Insan Perak (PHCDC) yang didaftarkan sebagai Agensi Kerajaan Negeri Perak yang memberi tumpuan kepada pemeraksanaan latihan dan kemahiran. Objektif agensi ini adalah untuk menggalakkan pembangunan kemahiran dengan memangkinkan penghasilan sumber manusia berkualiti tinggi merentasi negeri, negara dan dunia. Kursus yang ditawarkan oleh agensi ini termasuk Mekatronik, Automotif, Kimpalan dan

Pengurusan yang berpotensi tinggi di negeri Perak. Sementara itu, Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak (PESDC) telah ditubuhkan pada Mac 1993 dengan kerjasama industri Kerajaan Negeri Perak dan Kerajaan Persekutuan.

Berdasarkan pengalaman mereka, sejumlah 35,198 orang pelajar telah menerima latihan daripada 51 rakan industri dengan 18,587 penempatan industri. Terdapat dua (2) jenis kursus, iaitu Program Transformasi Tenaga Kerja Teknikal (WTTP) yang merangkumi Industri Automasi, Jurumesin & CNC, Kimpalan, Teknologi Plastik, dan Automotif dan Program Peningkatan Kemahiran Industri (INSEP) yang telah dilancarkan dengan pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang dianugerahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) Malaysia. Pembelajaran yang ditawarkan di bawah INSEP ialah Teknologi Optik dan Optoelektronik dalam Industri Pembuatan, Pakar Komunikasi Jalur Lebar Kontemporari dan Program Reka Bentuk Peralatan Automotif.

#### **5.4 Ekonomi Pengalaman**

Ekonomi pengalaman adalah satu konsep penting yang memberi kefahaman bahawa pengalaman boleh diwujudkan untuk keuntungan dan juga imej serta penjenamaan. Ekonomi pengalaman menawarkan nilai estetika kepada pengguna untuk terus kekal menggunakan produk dan perkhidmatan. Ia boleh menarik pelanggan baharu melalui perkongsian pengalaman oleh pelanggan yang berpuas hati terhadap produk dan perkhidmatan. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu menawarkan ekonomi pengalaman kelas pertama bagi memastikan kelestarian pembangunan negeri. Ekonomi



pengalaman berteraskan empat (4) sektor utama, iaitu pendidikan, pelancongan, perkhidmatan dan kesejahteraan.

Bagi sektor pendidikan, negeri Perak boleh memberi pengalaman pembelajaran berteraskan pembelajaran kemahiran untuk memenuhi keperluan kerjaya selaras dengan perkembangan industri dan teknologi. Institusi pengajian tinggi merupakan aset penting sebagai penjana pembangunan sektor ekonomi. Terdapat 100 buah pusat pengajian tinggi dan pusat-pusat pembelajaran lain di negeri Perak yang berpotensi untuk memberi pengalaman pembelajaran yang terbaik dalam bidang TVET. Ia berteraskan persekitaran pembelajaran sedia ada yang mampu menerapkan nilai manusiawi dan alami.

Pelancongan di negeri Perak mempunyai nilai estetika yang tersendiri seperti nilai tropika, nilai tamadun dan peradaban, nilai kesultanan dan nilai kekayaan budaya masyarakat. Negeri Perak mempunyai flora dan fauna serta produk geologi yang menawarkan pengalaman tropika berharga kepada pengunjung. Nilai tamadun dan peradaban sedia ada seperti pusat arkeologi bertaraf antarabangsa mampu memberi horizon baharu dalam sektor ekonomi pengalaman. Semua nilai ini menjamin tahap pengalaman dan kepuasan pelancong sekali gus menjadikan negeri Perak sebagai destinasi untuk mencari ketenangan dan kesejahteraan.

Ekonomi pengalaman di negeri Perak perlu diperkasakan untuk meningkatkan kualiti pengalaman. Ia harus dirancang dengan lebih strategik supaya boleh menyumbang kepada kelestarian aktiviti ekonomi negeri Perak. Justeru, ia boleh meningkatkan pelaburan domestik bagi menyediakan perkhidmatan terbaik kepada pengguna dalam pelbagai sektor. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu memfokuskan

penyediaan latihan dan modul bagi pembangunan ekonomi pengalaman berteraskan pemikiran reka bentuk (*design thinking*).

## **5.5 Belia Pemangkin Kesejahteraan**

Belia merupakan kumpulan masyarakat muda yang berumur di antara 15 dan 30 tahun. Dasar Belia Negara yang dikaji semula pada tahun 2015 melihat generasi belia sebagai aset terpenting yang berpotensi untuk menyumbang kepada pembangunan negara dari segi pertumbuhan sosial, ekonomi dan politik. Belia juga dilihat sebagai generasi yang akan meneruskan kesinambungan pentadbiran, kepimpinan dan pengurusan masyarakat pada masa akan datang. Berdasarkan Dasar Belia Malaysia, terdapat lapan (8) kumpulan sasaran belia, iaitu:

- 1) Belia Bersekolah;
- 2) Belia Pengajian Tinggi;
- 3) Belia Berkerjaya;
- 4) Perkumpulan Belia;
- 5) Belia Massa (Youth at Large);
- 6) Belia Malaysia Antarabangsa;
- 7) Belia Minoriti dan Golongan Terpinggir;
- 8) Belia Berisiko.

Data Penemuan Banci 2020 Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan populasi belia negeri Perak pada tahun 2020 adalah seramai 1,012,101 juta orang mewakili 41 peratus jumlah populasi penduduk Perak dengan anggaran usia di antara 15 hingga 39 tahun. Kerajaan Negeri Perak mempunyai program pembangunan belia yang menjurus kepada peningkatan kemahiran untuk kehidupan yang lebih sejahtera.

Walau bagaimanapun, kumpulan sasaran belia yang berbeza mempunyai keperluan yang berbeza. Oleh itu, Kerajaan Negeri perlu terus menjadikan pembangunan belia sebagai agenda negeri kerana mereka merupakan bakal pemimpin. Kepimpinan belia yang mempunyai daya kreativiti dan inovasi yang tinggi mampu memacu negeri Perak ke arah kelestarian ekonomi dan kemakmuran masyarakat. Golongan belia mempunyai keperluan untuk memperoleh kerjaya yang menjamin kehidupan yang lebih sejahtera. Program seperti jaminan pekerjaan perlu diberi perhatian yang sewajarnya agar peluang untuk hidup selesa wujud di negeri Perak. Di samping itu, latihan kemahiran diperlukan bagi memastikan mereka kekal berdaya saing dalam menghadapi cabaran ekonomi masa kini.

Belia turut mengimpikan kehidupan berkeluarga yang lebih selesa. Oleh itu, perumahan dengan kemudahan terkini bagi golongan belia pertengahan perlu diberi perhatian supaya mereka berpeluang untuk hidup selesa dan bahagia. Selain itu, gaya hidup sihat juga penting dalam mengimbangi tuntutan kerja dan kehidupan bagi menangani tekanan kehidupan dan mengekalkan kesihatan. Lantaran itu, potensi belia perlu digarap dengan memperkasakan program sedia ada agar belia berdaya tahan dalam menghadapi cabaran masa hadapan yang lebih rencam dan tidak menentu.

## **6.0 AGENDA UTAMA PERAK SEJAHTERA 2030**

Seiring dengan potensi yang dimiliki, Kerajaan Negeri akan mempelopori sektor-sektor yang memberi nilai tambah kepada negeri, menambah peluang pekerjaan, merapatkan jurang pendapatan dan pendidikan dan merentas usaha ke arah meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Agenda utama Perak Sejahtera 2030 adalah seperti berikut:

### **6.1 Sekuriti Makanan**

Sekuriti makanan (*food security*) merupakan isu keselamatan negara yang perlu diambil perhatian. Negeri Perak berpotensi dalam mempelopori sektor sekuriti makanan bagi mengurangkan kebergantungan kepada makanan import. Negeri ini mempunyai kelebihan dan potensi untuk menggembeleng sumber sedia ada bagi membangunkan industri pertanian ke arah sekuriti makanan. Antara inisiatif yang boleh digerakkan adalah seperti berikut:

- 1) Menggalakkan pelaburan dalam bidang pertanian dan penghasilan makanan;
- 2) Mengenal pasti tanah terbiar untuk penanaman makanan, penternakan haiwan dan akuakultur secara komersial;
- 3) Mentransformasikan pertanian konvensional kepada pertanian pintar (*smart farming*);
- 4) Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan kualiti pengeluaran sayur-sayuran dan buah-buahan;
- 5) Meningkatkan penangkapan hasil laut di samping mengekalkan kelestarian alam;

- 6) Menggalakkan penglibatan belia dalam sektor pertanian, perikanan dan penternakan yang berpotensi dengan bimbingan agensi-agensi kerajaan; dan
- 7) Mengoptimumkan kolam dan lombong terbiar bagi tujuan pembiakan ikan supaya negeri Perak menjadi pengeluar terbesar ikan air tawar di negara ini.

Agenda yang diutamakan ini sejajar dengan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021 – 2025 yang telah dibangunkan bagi memperkukuh sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu dan cabaran sepanjang rantai bekalan makanan bermula daripada input pertanian hingga ke peringkat sisa makanan bagi memastikan kesinambungan bekalan mencukupi.

## **6.2 Ekonomi Digital**

**Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0)** memberi kesan perubahan terhadap operasi industri berteraskan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), robotik, Internet Benda (IoT), kejuruteraan genetik, pengkomputeran kuantum, percetakan 3D, realiti maya (VR), blok rantai (*blockchain*) dan kenderaan berautonomi (AV). Revolusi ini dimangkinkan oleh kesalinghubungan yang membolehkan semua berkomunikasi dengan tepat dan cepat.

Selain itu, Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) mentransformasikan maklumat pembuatan dalam persekitaran data raya, individu, perkhidmatan, sistem dan IoT yang membolehkan aset industri dibolehdayakan menerusi penjana, pengaruh dan penggunaan data. Maklumat ini boleh digunakan sebagai satu inisiatif untuk merealisasikan industri pintar, membangunkan ekosistem inovasi dan kerjasama Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0).


**Masyarakat 5.0 (Society 5.0)** ialah kepimpinan yang strategik yang dirangka dalam era Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) untuk mempengaruhi, memotivasikan dan mendorong sesuatu komuniti bagi mencapai kecemerlangan, khususnya dalam bidang pendidikan tinggi. Tujuan utama Masyarakat 5.0 ialah untuk meningkatkan kualiti hidup dengan mengaplikasikan teknologi yang terdapat dalam Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0). Masyarakat 5.0 memfokuskan penggunaan teknologi secara berterusan untuk merangsang pembangunan dan inovasi dalam Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) dan menyelesaikan masalah kemanusiaan seperti populasi manusia yang semakin bertambah, bencana alam, ketidaksamaan sosial dan keselamatan.

Silver Valley Technology Park (SVTP) berpotensi menarik kluster teknologi teras yang mendorong perubahan besar bagi negeri Perak dalam menembusi pasaran global yang melibatkan produk dan perkhidmatan seperti kecerdasan buatan, robotik lanjutan, realiti terimbuh dan realiti maya, nanoteknologi dan analisis digital lanjutan yang menyokong perkembangan inovasi dan pengkomersialan.

Negeri Perak sedang dalam usaha memperkasakan pendigitalan menerusi pelbagai bidang terutamanya sektor urus niaga dan perkhidmatan awam yang didorong oleh sektor awam dan swasta. Rakyat Perak perlu dinormakan dengan pengadaptasian dan inovasi teknologi serta perkhidmatan digital berkaitan dengan fungsi sosioekonomi bagi meningkatkan ekonomi, produktiviti dan kualiti hidup. Usaha ini dapat dilihat dengan pembangunan pelbagai aplikasi untuk memangkinkan ekonomi digital di negeri Perak seperti Park@Perak, e-Tanah, MyManjung, S.M.A.R.T Niaga@Perak dan sebagainya. Dapatan awal mendapati bahawa keterlibatan rakyat sebagai pemain ekonomi digital telah bermula. Hal ini membuka peluang kepada negeri untuk memperkasa pembangunan berteraskan data.

Data merupakan satu komoditi baharu untuk diterokai dalam usaha meningkatkan ekonomi. Kira-kira 90 peratus data digital dunia telah diwujudkan antara tahun 2015 hingga 2017. Penggunaan Internet, media sosial dan kewujudan pelbagai aplikasi merancakkan peningkatan penggunaan data sekali gus membuka peluang untuk meneroka ekonomi digital. Data boleh memberi lonjakan berganda kepada produk dan perkhidmatan sekiranya nilai dapat diperolehi melalui penggunaan teknologi analitis data raya dan kepintaran buatan.

Berikut ialah proses rantai data sebagai komoditi baharu dalam industri:



**Rajah 6.1: Proses Rantian Data sebagai Komoditi Baharu dalam Industri**

Data raya mampu melakukan pemantauan masa nyata, memantau status pengeluaran semasa dan menjangka keperluan penyelenggaraan pada masa hadapan di samping membuat pesanan awal. Teknologi ini memerlukan pekerja berkemahiran tinggi terutamanya pekerja yang pakar dalam analitis data raya untuk menterjemah informasi berguna yang boleh meningkatkan produktiviti. Di samping itu,

ia turut memerlukan pakar keselamatan siber bagi memastikan data selamat dan terjamin.

Kilang Pintar (*Smart Factory*) yang kini menjadi trend dalam bidang pembuatan turut mengaplikasikan konsep data raya. Ia dilaksanakan dengan menggunakan sensor pintar dan peranti pintar yang mempunyai keupayaan untuk menghasilkan data yang sangat besar yang boleh dikongsi menerusi teknologi awan. Sektor pembuatan merupakan salah satu sektor yang boleh dimajukan dengan dipacu oleh ekonomi digital. Di negeri Perak, terdapat banyak kilang pembuatan seperti PROTON-City, KVC Industrial Supplies, Yoonsteel (Malaysia), Motive Power Industries yang boleh menceburi bidang pendigitalan dan IR 4.0. Pendigitalan kilang pintar akan dapat mencipta banyak peluang pekerjaan yang seterusnya akan meningkatkan lagi produktiviti dalam bidang tersebut. Penyertaan dalam pendigitalan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Perak untuk mengurangkan migrasi bakat berkemahiran tinggi.

Peningkatan 23 peratus sektor ekonomi digital di Malaysia perlu dimanfaatkan bagi menggalakkan ekonomi negeri Perak mendapat lonjakan berganda. Seramai 24,276 orang telah dilatih bermula tahun 2015 dan mampu menjana pendapatan sebanyak RM36 juta. Ia menjadi asas untuk menggunakan data bagi membuat lonjakan. Laporan e-Conomy SEA 2021 edisi ke-6 oleh Google, Temasek dan Bain & Company mengunjurkan potensi untuk perniagaan menggunakan teknologi Internet di Malaysia ialah sebanyak USD 31 bilion pada tahun 2025. Ia merupakan potensi baharu yang perlu diterokai oleh negeri Perak untuk mencapai kesejahteraan yang inklusif dan mengurangkan kadar kemiskinan menjelang 2030.



Selain itu, Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) @ Ipoh dari kluster ekonomi pelaburan digital NCER (2019) merupakan sebahagian daripada inisiatif ekonomi digital di negeri Perak yang kemudiannya diperkukuhkan dengan projek SVTP. Bukan itu sahaja, Pelan Tindakan Bandar Pintar Ipoh juga akan dilaksanakan menerusi kerjasama strategik antara Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), PKNPk, PlanMalaysia dan beberapa buah agensi lain dengan beberapa objektif termasuk menjadikan Ipoh bandar mesra teknologi maklumat dan menggunakan penyelesaian pintar bagi mengatasi masalah perbandaran. Projek ini menyasarkan tujuh (7) domain, iaitu Kehidupan Pintar, Persekitaran Pintar, Tadbir Urus Pintar, Penduduk Pintar, Infrastruktur Digital Pintar, Ekonomi Pintar, dan Mobiliti Pintar.

Bagi merealisasikan aspirasi ini, Kerajaan Negeri turut menjalinkan kerjasama dengan Telekom Malaysia untuk meningkatkan kelajuan Internet daripada 100MB kepada 1GB menerusi Projek Gentian Optik UNIFI bagi memastikan pelaksanaan ekonomi digital dapat dilaksanakan dengan jayanya. Perancangan negeri Perak ke arah pemerkasaan ekonomi digital ini selaras dengan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia.

### **6.3 Pembuatan Keputusan Dipacu Data**

Data merupakan aset penting bagi kerajaan untuk memastikan keputusan lebih bersasar dan tepat. Oleh itu, kesejahteraan boleh dicapai dengan lebih berkesan berdasarkan fokus yang lebih inklusif dan responsif. Berdasarkan data, kerajaan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan dan keberkesanan dalam perbelanjaan awam dan dapat membuat keputusan yang lebih tepat merentasi keseluruhan sektor awam. Hasil pengaplikasian kerajaan dipacu data adalah seperti berikut:

- 1) Akauntabiliti dan Ketelusan:  
Kepercayaan yang mendalam terhadap dasar awam.
- 2) Pengurangan Kos:  
Memfokuskan penyampaian operasi.
- 3) Kerjasama dengan Pihak Ketiga:  
Ekosistem data awam yang bertenaga.
- 4) Pemilikan Data:  
Kawalan yang lebih baik.
- 5) Ketangkasan (tindak balas dalam masa nyata):  
Perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

#### **6.4 Perlombongan Lestari (Perlombongan Bertanggungjawab dan Mampan)**

Industri mineral memberikan sumbangan yang sangat signifikan kepada pembangunan ekonomi dan menyediakan sebahagian besar bahan asas kepada industri yang merangkumi sektor pembinaan, pembuatan, perkilangan, pengangkutan, infrastruktur, tenaga dan pertanian. Perlombongan biasanya dikaitkan dengan kesan negatif terhadap alam sekitar termasuk pencemaran udara dan air yang berkemungkinan mendatangkan risiko terhadap masyarakat. Penggunaan teknologi moden dan amalan terbaik dalam aktiviti perlombongan dapat mengimbangi antara penjanaan pendapatan dan risiko. Negeri Perak komited mengamalkan perlombongan lestari menerusi pendekatan baik pulih bekas tapak perlombongan setelah aktiviti perlombongan tamat. Hal ini dibuktikan dengan pelaksanaan Prosedur Operasi Standard (SOP) untuk Perlombongan NR-REE bagi memastikan industri ini dibangunkan secara terkawal dan teratur dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.

SOP ini meliputi tiga (3) peringkat aktiviti perlombongan, iaitu praperlombongan, semasa perlombongan dan pasca perlombongan. Bagi setiap peringkat tersebut, terdapat prosedur yang perlu dipatuhi bagi memenuhi keperluan perundangan, keselamatan, kesihatan dan pembangunan lestari berkaitan terutamanya di bawah Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Kesihatan Malaysia dan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom. Dokumen SOP ini telah disemak dan dinilai oleh sebuah Jawatankuasa Eksekutif yang terdiri daripada individu-individu yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang perlombongan, hidrologi, hidrogeologi dan pembangunan lestari.

### **6.5 Koridor TVET Malaysia**

Kewujudan banyak institusi latihan kemahiran merupakan kekuatan negeri Perak dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Kewujudan institusi ini mampu membawa masuk ramai remaja ke negeri Perak dan seterusnya mengimbangi migrasi remaja ke luar negeri Perak. Bagi mengekalkan kehadiran remaja di negeri Perak, peluang pekerjaan berkaitan dengan kemahiran yang diperolehi perlu diwujudkan dengan segera.

Negeri Perak mempunyai 100 buah institusi pengajian yang merangkumi 38 buah IPT dan 62 buah institusi TVET. Lima daerah, iaitu Kinta, Perak Tengah, Manjung dan Larut, Matang dan Selama mempunyai bilangan institusi pembelajaran tertinggi di negeri Perak. Daerah Kinta mempunyai bilangan institusi pembelajaran tertinggi, iaitu 18 IPT dan 11 TVET. Daerah Manjung dan Larut, Matang dan Selama pula masing-masing mempunyai 11 buah institusi pendidikan yang merangkumi lima

(5) IPT dan enam (6) TVET. Manakala, Perak Tengah mempunyai tiga (3) IPT dan lapan (8) TVET.

Bagi menjayakan agenda Koridor TVET Malaysia, terdapat lima (5) buah daerah yang berpotensi menjadi peneraju kepada 62 buah institusi TVET, iaitu daerah Perak Tengah, Kinta, Manjung, Larut, Matang dan Selama dan Kuala Kangsar. Ini adalah selari dengan inisiatif Kerajaan Negeri untuk mewujudkan hab pendidikan di daerah tersebut kerana majoriti IPT dan institusi TVET terletak di kawasan ini.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan memperluaskan tumpuan TVET kepada latihan semula (*reskilling*), peningkatan kemahiran (*upskilling*) dan kemahiran silang (*cross-skilling*). Ia dirangka bagi menambah baik kecekapan modal insan dan penggunaan bakat yang optimum dalam meningkatkan kadar kebolehpasaran. Di samping itu, elemen latihan ini juga berupaya membuka peluang perniagaan melalui perkhidmatan kemahiran yang akan ditawarkan sebagai sumber pendapatan.

Agenda ini digerakkan bagi memenuhi keperluan industri, menyediakan belia dengan kemahiran bersesuaian dengan industri semasa, meningkatkan tahap kehidupan dan pembelajaran sepanjang hayat. Oleh itu, pihak kerajaan boleh memanfaatkan program-program TVET di peringkat lebih tinggi bagi melahirkan graduan yang berkemahiran tinggi dan menarik pelabur luar ke negeri ini.

## **6.6 Tadbir Urus Projek Berkepentingan Negeri**

Tadbir urus projek berkepentingan negeri harus diperkasakan bagi memberi keyakinan kepada bakal pelabur dan pelabur sedia ada untuk terus memilih negeri Perak sebagai destinasi pelaburan pilihan. Bagi mencapai agenda ini, perancangan keseluruhan, pengawalan dan koordinasi sesuatu projek berkepentingan kerajaan

perlu memenuhi tahap piawaian yang ditetapkan. Sebelum sesuatu projek berkepentingan negeri dimulakan, ia perlu melalui proses penilaian kebolehlaksanaan bagi mengelakkan projek berkepentingan Kerajaan Negeri gagal disiapkan mengikut jadual atau terbengkalai. Penilaian dan penyelarasan projek harus melalui penilaian wajar (*due diligence*) bagi mencapai matlamat pelaksanaan sesuatu projek pembangunan negeri. Pengurusan projek berkepentingan negeri ini penting untuk memastikan pengurusan dana awam dilaksanakan secara efisien, efektif dan berhemah.

## **7.0 PRINSIP DAN NILAI BERSAMA PERAK SEJAHTERA 2030**

Kelestarian pelaksanaan Perak Sejahtera 2030 ialah bersandarkan kepada lima (5) prinsip asas. Lima (5) prinsip asas ini dibangunkan hasil daripada sesi libat urus bersama 65 buah agensi, perwakilan akar umbi dan pengurusan dan pentadbiran negeri. Prinsip Perak Sejahtera 2030 adalah seperti berikut:

### **7.1 Prinsip Perak Sejahtera 2030**

#### **7.1.1 Keseimbangan Pembangunan Fizikal dan Sosioekonomi**

Kerajaan Negeri menyasarkan pelaksanaan pembangunan seimbang dengan mengambil kira keperluan semasa rakyat dan menekankan aspek kesaksamaan dan keadilan. Justeru, pembangunan seimbang ialah kunci utama kepada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan stabil bagi membolehkan limpahan kekayaan yang dijana dinikmati oleh semua lapisan masyarakat agar jurang pendapatan dapat dikurangkan. Manakala, daripada segi pembangunan fizikal, Kerajaan Negeri komited untuk meningkatkan dan menambah baik prasarana di kawasan bandar dan luar bandar dengan memfokuskan kekuatan dan keperluan di setiap daerah dan kawasan.

Antara contoh projek yang menyokong keseimbangan pembangunan fizikal dan sosioekonomi ialah pembangunan Lebuhraya Pesisir Pantai Barat atau *West Coast Expressway* (WCE) sepanjang 139.2 km yang memberi limpahan manfaat kepada lima (5) daerah, iaitu Bagan Datuk, Hilir Perak, Perak Tengah, Manjung dan Larut, Matang dan Selama. Menerusi Perak Sejahtera 2030, Kerajaan Negeri akan memperhalus potensi-potensi pembangunan di sepanjang koridor WCE termasuk projek perumahan dan komersial yang baru, potensi pelancongan, perindustrian dan perkembangan industri pertanian.

Pembangunan sosioekonomi turut memfokuskan usaha mengurangkan kadar kemiskinan dan memperkasakan isi rumah B40 di samping tidak meminggirkan keperluan kumpulan 40 peratus berpendapatan pertengahan (M40) dan 20 peratus berpendapatan tertinggi (T20). Bantuan kewangan, projek-projek dan program-program dirangka bagi meningkatkan pendapatan dan membuka peluang pekerjaan. Usaha ini mengambil kira pembangunan modal insan dan meningkatkan pelaburan ke arah menjadikan negeri Perak sebagai pusat pertumbuhan ekonomi yang pesat dan seimbang. Kesemua ini adalah penting bagi menyokong usaha dan inisiatif kerajaan membantu golongan berpendapatan rendah terutamanya dalam berhadapan dengan cabaran kos sara hidup yang semakin meningkat dan mewujudkan lebih banyak peluang untuk mereka menaik taraf sosioekonomi.

### **7.1.2 Kerjasama Pintar**

Kerajaan menjalinkan kerjasama pintar dengan syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pendidikan dan jabatan serta agensi negeri bagi memenuhi keperluan rakyat yang semakin kompleks dan melonjakkan pertumbuhan ekonomi negeri secara strategik. Kerjasama pintar boleh mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan dan memanfaatkan sumber. Kerjasama erat antara Kerajaan Negeri dan pihak luar yang mempunyai kelebihan khusus dalam pengetahuan, kemahiran dan sumber kewangan perlu dijalinkan bagi menjayakan inisiatif dan projek pembangunan yang dirancang. Perkongsian awam-persendirian (*Public Private Partnership* (PPP)) merupakan kerjasama pintar yang digarap bersama syarikat-syarikat swasta yang berkeelayakan. Bagi memacu pembangunan negeri, pelaksanaan projek pembangunan yang lebih cekap, berkesan, cepat dan tepat boleh membantu

dalam menguruskan fiskal kerajaan secara mampan dengan perkongsian risiko dan bebanan kewangan semasa secara strategik.

Kerjasama pintar dilihat berupaya menjadi penyelesaian kepada pelbagai isu yang memerlukan penyelesaian luar kotak. Isu pengurusan tapak sisa pepejal merupakan salah satu contoh di mana tanah merupakan isu utama. Eksplorasi cara pengumpulan yang sistematik dan kaedah pelupusan sampah yang lebih efisien, moden dan lestari menerusi kepakaran pihak swasta dapat meminimumkan penggunaan tanah yang diperlukan sebagai tapak pengurusan sisa pepejal.

### **7.1.3 Kelestarian Penggunaan Sumber dan Alam Semula Jadi**

Pembangunan yang dilaksanakan perlu seiring dengan kepentingan memelihara alam sekitar dan keperluan kehidupan manusia masa hadapan. Pembangunan rakus tanpa perancangan dan pemantauan akan memberikan kesan buruk kepada alam sekitar dan generasi akan datang. Bagi mewujudkan kehidupan yang harmoni dengan alam, setiap pembangunan yang dilaksanakan perlu dinilai impaknya terhadap alam sekitar. Analisis kos-faedah perlu mengambil kira aspek kelestarian sumber dan alam semula jadi agar ianya menjadi inti pati kepada pelaksanaan pembangunan yang dirancang. Projek pembangunan yang berjaya dinilai secara lestari dapat mengelakkan impak negatif dan kerugian.

Mutakhir ini, perubahan iklim yang menjadi isu global secara langsung menjejaskan dan memberikan kesan yang ketara kepada rakyat Perak seperti peningkatan suhu, kadar penerimaan hujan dan kemerosotan indeks udara. Justeru, dalam bersama-sama menyahut cabaran menangani kesan perubahan iklim dunia, agenda Perak Bumi Lestari merencanakan usaha membudayakan pemeliharaan dan



pemuliharaan alam sekitar. Penggunaan teknologi hijau, tenaga boleh baharu dan pembudayaan kitar semula dapat mengurangkan jejak karbon (*carbon footprint*).

Selain itu, terdapat 12 sektor yang akan difokuskan dalam kelestarian penggunaan sumber yang merangkumi pengangkutan, bangunan, perkilangan, air, perlombongan, pembinaan, pelancongan, sisa buangan, teknologi maklumat & komunikasi dan Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0), pertanian dan perhutanan. Sehubungan itu, bagi memastikan kualiti pembangunan lestari bersifat holistik, pemuliharaan sumber alam boleh diterokai menerusi pengurusan yang cekap. Contohnya, pengurusan hutan paya bakau Matang bukan sahaja diiktiraf dunia bahkan ia menjana hasil kepada negeri (*Matang Mangrove . World Best Manage Mangrove Forest 2014*). Oleh itu, perancangan untuk mengintegrasikan keperluan ekonomi, persekitaran dan sosial perlu lebih strategik agar dapat memanfaatkan amalan terbaik.

#### **7.1.4 Sistem Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap dan Ambil Peduli**

Penyampaian perkhidmatan yang cekap dan ambil peduli adalah sangat kritikal bagi memastikan pelaksanaan pembangunan dapat digerakkan dengan cekap, berkesan, cepat dan tepat agar rakyat dapat menikmati perkhidmatan yang terbaik.

Agenda e-kerajaan akan diperkasakan bagi membolehkan perkhidmatan kerajaan dapat dicapai dengan lebih mudah dan cepat pada bila-bila masa dan di mana sahaja menerusi teknologi digital. Penggunaan teknologi digital ini pastinya akan meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui pengurangan perbelanjaan rakyat dan kerajaan. Sebagai kerajaan yang ambil peduli, keperluan semua lapisan masyarakat perlu diperhalusi dan ditangani secara menyeluruh.

### **7.1.5 Kepakaran Berkualiti dan Bernilai Tinggi**

Kepakaran berkualiti dan bernilai tinggi perlu diberikan penekanan seperti dengan memperkenalkan insentif tertentu yang mampu menarik golongan belia yang bermigrasi ke luar negeri di samping memperbaharui ekosistem pekerjaan sedia ada agar bertepatan dengan keperluan bidang pekerjaan berkemahiran dan bernilai tinggi. Kerajaan Negeri juga perlu menggunakan manfaat yang ada bukan sahaja daripada aspek kepakaran bahkan pengalaman yang pernah ditimba oleh golongan ini semasa berkhidmat di luar negeri.

Pengembangan industri berpotensi terutama industri pembuatan sederhana dan berat, pertanian dan perlombongan berteknologi tinggi dan lestari, sektor perkhidmatan bertaraf dunia seperti pelancongan rekreasi, kesihatan dan pendidikan dan perkhidmatan perniagaan global akan menjadi pemacu kemajuan negeri dalam menawarkan sektor ekonomi yang berkualiti dan bernilai tinggi. Sebagai contoh, negeri Perak bakal mempunyai Kompleks Balai Cerap yang dijangka siap dibina pada tahun 2024.

**Jadual 7.1: Ringkasan Prinsip Perak Sejahtera 2030**

Prinsip	Huraian	Contoh
Keseimbangan pembangunan fizikal dan sosioekonomi	Membolehkan limpahan kekayaan yang dijana dinikmati oleh semua lapisan masyarakat agar jurang pendapatan dan kekayaan antara golongan berpendapatan tinggi dan rendah juga turut ditangani. Manakala, daripada segi pembangunan fizikal, kerajaan komited untuk meningkatkan dan menambah baik prasarana di kawasan bandar dan luar bandar.	Pembangunan Lebuhraya Pesisir Pantai Barat atau <i>West Coast Expressway</i> (WCE) sepanjang 139.2km yang memberi limpahan manfaat kepada lima (5) buah daerah, iaitu Bagan Datuk, Hilir Perak, Perak Tengah, Manjung dan Larut, Matang dan Selama.
Kerjasama Pintar	Kerajaan menjalinkan kerjasama pintar dengan syarikat swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan institusi pendidikan bagi memenuhi keperluan rakyat, khususnya dalam pengetahuan, kemahiran dan sumber kewangan bagi menjayakan inisiatif dan projek pembangunan yang dirancang. Perkongsian awam-persendirian ( <i>Public Private Partnership</i> (PPP)) merupakan bentuk kerjasama pintar yang digarap bersama syarikat-syarikat swasta yang berkelayakan.	Eksplorasi cara pengumpulan yang sistematik dan kaedah pelupusan sampah yang lebih efisien, moden dan lestari menerusi kepakaran pihak swasta dapat meminimumkan penggunaan tanah yang diperlukan sebagai tapak sisa pepejal.

Prinsip	Huraian	Contoh
Kelestarian penggunaan sumber dan alam semula jadi	Pembangunan yang dilaksanakan perlu seiring dengan kepentingan memelihara alam sekitar dan keperluan kehidupan manusia masa hadapan. Setiap pembangunan yang dilaksanakan perlu dinilai secara mendalam bagi melihat impak dan kesan jangka panjangnya terhadap alam sekitar.	Pengurusan hutan paya bakau Matang bukan sahaja diiktiraf dunia bahkan ia menjana hasil kepada negeri ( <i>Matang Mangrove . World Best Manage Mangrove Forest 2014</i> ).
Sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan ambil peduli	Penyampaian perkhidmatan yang cekap dan ambil peduli adalah sangat kritikal bagi memastikan pelaksanaan pembangunan dapat digerakkan dengan cekap, berkesan, cepat dan tepat yang seterusnya membolehkan rakyat menikmati perkhidmatan yang terbaik.	Agenda e-kerajaan akan diperkasakan bagi membolehkan perkhidmatan kerajaan dicapai dengan lebih mudah dan cepat pada bila-bila masa dan di mana sahaja menerusi teknologi digital.
Kepakaran berkualiti dan bernilai tinggi	Menggerakkan usaha untuk mengekalkan tenaga kerja pakar sedia ada dan melahirkan lebih ramai tenaga pakar baharu dan menarik tenaga pakar dari luar negeri Perak. Negeri Perak perlu dijenamakan sebagai destinasi yang mempunyai persekitaran yang berdaya maju, selamat dan kondusif untuk menarik lebih ramai tenaga pakar luar bermigrasi dan bermastautin.	Pengembangan industri perkhidmatan perniagaan global akan menjadi pemacu kemajuan negeri dalam menawarkan sektor ekonomi yang berkualiti dan bernilai tinggi menerusi tenaga pakar dan berkemahiran tinggi.


## **7.2 Nilai Bersama Perak Sejahtera 2030**

Prinsip Perak Sejahtera 2030 didukung oleh lima (5) nilai bersama seperti berikut:

- 1) **KEBERSAMAAN** dapat memastikan kesepakatan sentiasa dipupuk dan dipelihara di samping meraikan setiap perbezaan.
- 2) **PRIHATIN** dengan keadaan sekeliling dan menghulur bantuan dengan mengutamakan mereka yang lebih memerlukan.
- 3) **JUJUR** dalam setiap sikap dan tingkah laku tanpa melakukan sebarang kecurangan.
- 4) **BIJAKSANA** dalam menggalas tugas dan amanah yang diberikan berpandukan ilmu pengetahuan dan kemahiran.
- 5) **TEGAS** dalam erti kata melaksanakan undang-undang dan penguatkuasaan.

## 8.0 SASARAN PERAK SEJAHTERA 2030

Berasaskan lima (5) prinsip Perak Sejahtera 2030, pelan ini berhasrat memenuhi tiga (3) sasaran kesejahteraan, iaitu kesejahteraan sosial, ekonomi dan politik rakyat Perak. Projek-projek dan program-program yang dibangunkan dan dilaksanakan di negeri Perak perlu memenuhi prinsip dan sasaran untuk mencapai matlamat Perak Makmur, Rakyat Sejahtera.



**Rajah 8.1: Sasaran Perak Sejahtera 2030**

### 8.1 Sejahtera Sosial

Perak Sejahtera 2030 melihat kesejahteraan sosial sebagai usaha untuk mengubah dan menjamin kesejahteraan individu, masyarakat dan rakyat dalam meningkatkan kualiti kehidupan daripada aspek jasmani, akal, rohani dan emosi agar dapat memberi kepuasan kepada kehidupan rakyat. Tiga (3) penentu utama kesejahteraan sosial sesuatu masyarakat ialah pengurusan keperluan hidup, peluang bermobiliti sosial dan pengurusan masalah sosial dan pengukuhan jaminan keselamatan sosial.

## **8.2 Sejahtera Ekonomi**

Sasaran ini melibatkan pengurusan sumber pengeluaran, iaitu sumber manusia, sumber buatan dan sumber alam secara cekap, berkesan, cepat, tepat dan lestari bagi pengeluaran barangan dan perkhidmatan. Kesejahteraan ekonomi bermaksud rakyat mempunyai keselamatan dan kekayaan harta yang merangkumi kemampuan rakyat secara konsisten memenuhi keperluan asas dan kehendak.

## **8.3 Sejahtera Politik**

Sasaran sejahtera politik ialah mewujudkan tadbir urus kerajaan yang cekap, berkesan, cepat dan tepat untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Perak. Hal ini digambarkan oleh tadbir urus negeri dalam penyampaian dan pemantauan seperti perolehan hasil dan perbelanjaan awam, perpaduan dan penglibatan awam, perlindungan hak-hak awam, penyediaan pemimpin dan kepemimpinan masa hadapan dan memastikan kecelikan politik masyarakat awam. Kesejahteraan politik melibatkan ikhtiar pentadbir awam, individu dan kumpulan masyarakat bagi memastikan kesejahteraan, keharmonian, kestabilan dan kemakmuran dapat diwujudkan menerusi kuasa politik untuk melindungi rakyat dan negara.

Kesejahteraan politik menggambarkan tahap keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap Kerajaan Negeri dalam menyejahterakan rakyat yang seterusnya membawa negeri dan negara ke arah mencapai kemajuan yang progresif untuk rakyat.

## 8.4 Unjuran Perak Sejahtera 2030

*Sumber: RSN 2040*

*Sumber: Data Perumahan 2016 – 2021, Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP)*




## 9.0 PERAK SEJAHTERA 2030

Dalam menyejahterakan rakyat Perak, usaha Kerajaan Negeri digambarkan menerusi Rumah Perak Sejahtera 2030.

### 9.1 Rumah Perak Sejahtera 2030

Perkaitan antara matlamat, tujuan, sasaran dan sasaran keberhasilan adalah seperti berikut:



Rajah 9.1: Rumah Perak Sejahtera 2030

Tiga (3) sasaran utama kesejahteraan, iaitu sosial, ekonomi dan politik digerakkan menerusi 21 tema keberhasilan. 12 tema keberhasilan, iaitu Keselamatan Awam, Perumahan, Asas Kemasyarakatan, Pendidikan, Alam Sekitar dan Amalan Teknologi Hijau, Prasarana, Seni Budaya dan Warisan, Belia, Wanita, Keluarga, Warga Tua dan Orang Kurang Upaya, diletakkan di bawah sasaran Sejahtera Sosial. Enam (6) tema

keberhasilan difokuskan untuk sasaran Sejahtera Ekonomi, iaitu Penduduk, Industri Utama, Keusahawanan, Sumber Manusia, Pelaburan Domestik dan Luar Negara dan Agihan Kekayaan, Kumpulan Pendapatan dan Kemiskinan. Manakala, tiga (3) tema keberhasilan di bawah sasaran Sejahtera Politik ialah Tadbir Urus Kerajaan, Perpaduan Nasional dan Kepimpinan.

Bagi memastikan matlamat, tujuan dan sasaran tercapai, tiga (3) pemboleh daya Perak Sejahtera 2030, iaitu data raya sebagai sumber dan penyimpanan maklumat, pendigitalan sebagai pemangkin penyampaian maklumat dan perkhidmatan. Penyampaian dan pemantauan sebagai sistem pelaksanaan, menjadi asas utama rumah ini.

Pemboleh daya ini hanya berkesan apabila pelaksanaannya memiliki sifat warak, iaitu pengamalan nilai-nilai murni yang mendasari lima (5) prinsip utama menerusi tiga (3) sasaran bagi memastikan kesejahteraan sosial, ekonomi dan politik tercapai. Elemen kewarakan tumpuan Perak Sejahtera 2030 ialah lima (5) nilai murni yang diterapkan, iaitu pelaksana yang bersifat kebersamaan, prihatin, jujur, bijaksana dan tegas. Pemboleh daya, tema keberhasilan dan sasaran akan membantu Kerajaan Negeri mencapai tujuan, iaitu memacu pembangunan sosioekonomi yang mapan, inklusif dan dinamik ke arah Perak Makmur, Rakyat Sejahtera.

## **9.2 Catatan Pacuan**

Pelan ini disokong oleh tiga (3) catatan pacuan, iaitu Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Analitis Data Raya, Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Pembangunan Modal Insan dan Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Direktori Sehenti Projek Pembangunan Negeri Perak. Catatan pacuan ini dibangunkan sebagai panduan untuk

memahami status semasa ketersediaan negeri Perak dalam analitis data raya, pembangunan modal insan dan inisiatif penjana hasil bagi mencapai kesejahteraan.

### **9.2.1 Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Analitis Data Raya**

Catatan pacuan ini dihasilkan sebagai panduan untuk menerangkan kepentingan dan analitis data raya bagi memastikan kerajaan berfungsi dengan lebih cekap dan efisien untuk memenuhi keperluan kesejahteraan rakyat. Catatan pacuan ini mempunyai keterangan berkenaan definisi sebagai rujukan dan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan dan Negeri ke arah tadbir urus yang lebih efektif.

Di samping itu, ia juga menggariskan isu dan cabaran yang perlu dihadapi oleh semua pemegang taruh. Antara isu dan cabaran yang menjadi perhatian ialah dasar, polisi, dan kaedah perkongsian data, ketersediaan organisasi dan masyarakat, dan infrastruktur dan kemampuan Kerajaan Negeri Perak ke arah memaksimumkan potensi data raya untuk kesejahteraan. Ia bermatlamatkan data sebagai pemangkin kesejahteraan dan didukung oleh tiga (3) objektif, iaitu memanfaatkan data, meningkatkan tadbir urus data dan membina kepakaran warga negeri Perak. Lima (5) strategi dan pendekatan telah digariskan sebagai panduan kerajaan untuk menjadikan data sebagai pemangkin kesejahteraan, iaitu:

- i) Tadbir Urus Data;
- ii) Organisasi Dipacu Data;
- iii) Ekonomi Digital Dipacu Data;
- iv) Pembangunan Keupayaan; dan
- v) Pemerksaan Infrastruktur.

### **9.2.2 Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Pembangunan Modal Insan**

Catatan pacuan ini menggariskan program dan fasa pembangunan modal insan ke arah mencapai pertumbuhan ekonomi yang pesat dan mampan dan mewujudkan pengagihan ekonomi yang saksama kepada seluruh rakyat Perak. Catatan pacuan ini telah mengenal pasti sektor ekonomi baharu untuk memacu modal insan ke arah mewujudkan peluang ekonomi dan meningkatkan taraf hidup rakyat menerusi pewujudan pekerjaan berpendapatan tinggi. Negeri Perak perlu mempersiapkan tenaga kerja dengan pengetahuan dan kemahiran yang relevan, kompeten dan inovatif untuk memenuhi permintaan pekerjaan masa hadapan. Enam (6) strategi dan pendekatan telah dirangka untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja dalam memacu sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat negeri Perak, iaitu:

- i) Meningkatkan peratusan tenaga kerja pengurusan dan profesional, mahir dan separa mahir;
- ii) Meningkatkan potensi usahawan dan kebolehpasaran graduan;
- iii) Meminimumkan kategori miskin tegar menerusi program tersusun;
- iv) Melestarikan jaminan makanan dan meningkat pendapatan tenaga buruh sektor pertanian;
- v) Memperkukuhkan program TVET bagi memenuhi keperluan industri; dan
- vi) Meluaskan peluang Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) kepada semua generasi.

### **9.2.3 Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Direktori Sehenti Projek Pembangunan Negeri Perak**

Catatan pacuan ini merupakan mekanisme ekspres untuk mengenal pasti sumber penjana hasil berasaskan projek pembangunan. Semua projek pembangunan yang

berpotensi telah dikenal pasti berdasarkan senarai dan cadangan projek dalam Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Catatan ini menggabungkan semua projek pembangunan yang disenaraikan dalam 22 Laporan Rancangan Pemajuan bagi seluruh negeri Perak. Kesemua 1053 projek pembangunan yang dicadangkan ialah berdasarkan kajian kolektif yang sistematik dan inklusif oleh pakar runding yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Perak dengan kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Jadual 9.1: Bilangan Projek Pembangunan yang Dicapadangkan**

<b>Bil.</b>	<b>Sektor</b>	<b>Jumlah</b>
1.	Projek Mega	37
2.	Projek RT Majlis Bandaraya Ipoh	53
3.	Projek Majlis Daerah Batu Gajah	86
4.	Projek RKK Pekan Ipoh, MBI	19
5.	Projek Majlis Daerah Perak Tengah	53
6.	Projek RTD Manjung	58
7.	Projek RKK Pesisir Tenggara Pulau Pangkor	8
8.	Projek RTD Hilir Perak	
9.	Projek RTD Batang Padang	63
10.	Projek RTD Muallim	160
11.	Projek RTD Larut Matang	43
12.	Projek RTD Selama	73
13.	Projek RKK Warisan Bandar Taiping	7
14.	Projek RKK Matang Kuala Sepetang	10
15.	Projek RTD Kerian	65
16.	Projek RTD Hulu Perak	98
17.	Projek RKK Warisan Arkeologi Lembah Lenggong	9
18.	Projek RTD Kuala Kangsar	31
19.	Projek RTD Bagan Datuk	41
20.	Projek RTD Kampar	85
<b>JUMLAH</b>		<b>1053</b>

Catatan pacuan ini turut menyediakan pelan tindakan projek-projek daripada RTD yang berjumlah 5755 mengikut sektor sebagai rujukan pentadbiran dan pengurusan negeri. Projek-projek pembangunan ini dikenal pasti dapat memberi impak sosial dan ekonomi sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada rakyat Perak seterusnya meningkatkan hasil negeri. Berikut merupakan senarai dan bilangan projek mengikut sektor:

**Jadual 9.2: Bilangan Projek Mengikut Sektor**


<b>Bil.</b>	<b>Sektor</b>	<b>Projek Pelaksana Utama</b>	<b>Projek Bersama</b>	<b>Jumlah</b>
1	Agama Islam	12	40	52
2	Belia dan Sukan	26	718	744
3	GLC	40	257	297
4	Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor	55	100	155
5	Infrastruktur, Tenaga, Air dan Pengangkutan Awam	194	586	780
6	Keselamatan	14	31	45
7	Kesihatan	22	29	51
8	Komunikasi dan Multimedia	13		
9	Pelancongan	76	252	328
10	Pembangunan Wanita dan Keluarga, Kebajikan Masyarakat dan NGO	18	455	473
11	Pembangunan Luar Bandar	69	214	283
12	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	36	382	418
13	Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Sumber Manusia	39	86	125
14	Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan	100	110	210
15	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	266	364	630
16	Sains, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau	26	125	151
17	Tanah dan Sumber Asli	47	445	492

<b>JUMLAH</b>	5755
---------------	------

Dua (2) strategi utama yang digariskan untuk mewujudkan direktori sehenti projek pembangunan negeri Perak adalah seperti berikut:

i) Strategi Pelaksanaan Projek

Jawatankuasa Perancangan Negeri disarankan untuk mengenal pasti projek-projek daripada senarai yang telah terkumpul dalam buku Direktori Sehenti. Pemilihan adalah berpandukan kepada keadaan dan keperluan semasa dan mengambil kira denyut nadi rakyat dan kesejahteraan sosioekonomi negeri Perak.



**Rajah 9.2: Hubungan Punca Kuasa Proses Permulaan Projek**

## ii) Strategi Pemantauan Projek

Kerajaan Negeri Perak perlu mewujudkan sistem pangkalan data projek bagi memudahkan urusan pemantauan. Sistem ini menggunakan aplikasi yang membolehkan pihak Institut Darul Ridzuan (IDR) selaku wakil pejabat Menteri Besar memantau perkembangan pada bila-bila masa. Sekiranya terdapat isu yang berbangkit, IDR boleh mengeluarkan pemakluman kepada semua pihak yang terlibat. Sistem ini juga dapat dicapai oleh semua pelaksana mengikut had kuasa masing-masing bagi tujuan penyediaan laporan kemajuan dan semakan pemajuan. Informasi masa nyata daripada sumber yang sahih memudahkan tindakan yang sewajarnya.



## **10.0 PEMANTAUAN OUTPUT DAN KEBERHASILAN PERAK SEJAHTERA 2030**

Pengurusan Perak Sejahtera 2030 yang cekap, berkesan, cepat dan tepat memastikan projek dan rancangan pembangunan utama dapat dilaksanakan mengikut jadual bagi mencapai sasaran yang ditetapkan. Pengukuran tahap pencapaian perlu dilakukan mengikut tempoh yang ditetapkan bagi memastikan pelaksana sentiasa komited dalam menunaikan harapan dan impian seperti yang disasarkan oleh Perak Sejahtera 2030. Pengukuran output sebagai pengukuran pencapaian program *flagship* dan projek akan dilakukan melalui jawatankuasa pemandu dan jawatankuasa kerja. Perincian pengukuran pencapaian diperhalusi dalam Bab 13.

Pengukuran pencapaian diwujudkan bagi memastikan pengurusan Perak Sejahtera 2030 berjalan seperti yang dirancang dan dijadikan kad laporan tahunan untuk negeri. Bagi tujuan ini, Indeks Kesejahteraan Perak dibangunkan. Sebanyak 201 petunjuk keberhasilan dikenal pasti untuk mengukur 21 tema keberhasilan dan tiga (3) sasaran Perak Sejahtera 2030 setiap tahun. Indeks ini menggunakan data tahun 2020 sebagai nilai pemula (*take-off value*).

**Jadual 10.1: Pendekatan, Fasa Semakan Pelan & Pelaksanaan Pemantauan melalui Indeks Kesejahteraan Perak**

<b>PENDEKATAN</b>	2022	2023 - 2025	2028 - 2030
	Ketegasan ( <i>Resolve</i> )	Menggiatkan Semula ( <i>Revitalise</i> )	Reformasi ( <i>Reform</i> )
<b>FASA SEMAKAN PELAN PERAK SEJAHTERA 2030</b>	2025	2028	2030
	Kajian Semula Separuh Penggal	Pelarasan Menuju Perak Sejahtera	Semakan Pencapaian Keseluruhan
<b>INDEKS KESEJAHTERAAN PERAK DAN MODEL EKONOMI DONAT</b>			
<b>PEMANTAUAN SASARAN KEBERHASILAN</b>	SETIAP TAHUN		

Fasa pertama pemantauan tema keberhasilan (2021-2023) akan menggunakan petunjuk keberhasilan berdasarkan IKRM dan Murninets. Fasa kedua (2023-2030) akan merangkumi petunjuk-petunjuk keberhasilan baharu yang akan dikenal pasti. Pemantauan keberhasilan akan dilaksanakan secara tahunan menggunakan Indeks Kesejahteraan Perak. Model Ekonomi Donat pula dimanfaatkan sebagai pengimbang tiga (3) sasaran Perak Sejahtera 2030. Model ini menekankan keseimbangan keadilan sosial, ekonomi dan kesejahteraan sempadan alam raya. Manakala pelan ini pula akan disemak secara berkala, iaitu pada tahun 2025 dan 2028 untuk memastikan inti pati dokumen ini sentiasa dinamik, realistik dan boleh capai.

## 10.1 Indeks Kesejahteraan Perak

Berikut adalah perincian Indeks Kesejahteraan Perak:

**Jadual 10.2: Sasaran dan Tema Keberhasilan Perak Sejahtera 2030**

Sasaran	Tema Keberhasilan		Petunjuk Keberhasilan	$\Sigma$
Sejahtera Sosial	1	Keselamatan Awam	18	18
	2	Perumahan	6	24
	3	Asas Kemasyarakatan	13	37
	4	Pendidikan	27	64
	5	Alam Sekitar dan Amalan Teknologi Hijau	22	86
	6	Prasarana	19	105
	7	Seni Budaya dan Warisan	4	109
	8	Belia	3	112
	9	Wanita	3	115
	10	Keluarga	6	121
	11	Warga Tua	12	133
	12	Orang Kurang Upaya	8	141
Sejahtera Ekonomi	1	Penduduk	2	143
	2	Industri Utama	15	158
	3	Keusahawanan	6	164
	4	Sumber Manusia	12	176
	5	Pelaburan Domestik dan Luar Negara	2	178
	6	Agihan Kekayaan, Kumpulan Pendapatan dan Kemiskinan	8	186
Sejahtera Politik	1	Tadbir Urus Kerajaan	8	194
	2	Perpaduan Nasional	3	194
	3	Kepimpinan	4	201

Jadual 10.3 menunjukkan perbandingan antara Indeks Kesejahteraan dan dokumen pembangunan sedia ada di peringkat negeri dan persekutuan.

**Jadual 10.3: Perbandingan antara Perak Sejahtera 2030 dan Rancangan Pembangunan Semasa**

Sasaran	Bil.	Tema Keberhasilan	Petunjuk Keberhasilan		Rancangan Pembangunan Semasa			
			IKRM	PAJ	RSN	WKB	NCER	SDGs
Sejahtera Sosial	1	Kesihatan dan Keselamatan Awam						
	2	Perumahan						
	3	Asas Kemasyarakatan						
	4	Pendidikan						
	5	Alam Sekitar dan Amalan Teknologi Hijau						
	6	Prasarana						
	7	Seni Budaya dan Warisan						
	8	Belia						
	9	Wanita						
	10	Keluarga						
	11	Warga Tua						
	12	Orang Kurang Upaya						
Sejahtera Ekonomi	13	Penduduk						
	14	Industri Utama						
	15	Keusahawanan						
	16	Sumber Manusia dan Persekitaran Kerja						
	17	Pelaburan Domestik dan Luar Negara						
	18	Agihan Kekayaan, Kumpulan Pendapatan dan Kemiskinan						
Sejahtera Politik	19	Tadbir Urus Kerajaan						
	20	Perpaduan Nasional						
	21	Kepimpinan						

**Nota dan Sumber:**

PS Perak Sejahtera 2030;

IKRM Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (2019);

PAJ Pelan Pembangunan Perak Amanjaya 2020;

RSN Rancangan Struktur Negeri Perak 2040;

WKB Wawasan Kemakmuran Bersama 2030;

NCER Northern Corridor Economic Region Strategic Development Plan (2021 - 2025)

SDGs Matlamat Pembangunan Mampan (United Nations, 2021)

### 10.1.1 Petunjuk Sasaran Keberhasilan Perak Sejahtera 2030

Jadual 10.4 menyenaraikan petunjuk untuk setiap sasaran keberhasilan bagi mengukur pencapaian mengikut jangka masa yang ditetapkan dalam pengurusan Perak Sejahtera 2030.

**Jadual 10.4: Tema Keberhasilan dan Petunjuk Keberhasilan Sejahtera Sosial**

Bil.	Tema Keberhasilan	Bil.	Petunjuk Keberhasilan
1	Kesihatan dan Keselamatan Awam	1	Kesihatan: Jangkaan hayat ketika lahir (IKRM) i. Lelaki (PAJ)
			Kesihatan: Jangkaan hayat ketika lahir (IKRM) ii. Perempuan (PAJ)
		2	Kesihatan: Kadar kematian bayi (IKRM)
		3	Kesihatan: Kadar kematian ibu bersalin (IKRM)
		4	Kesihatan: Bilangan kes penyakit tidak berjangkit (IKRM)
		5	Kesihatan: Bilangan katil di hospital (IKRM)
		6	Kesihatan: Nisbah doktor kepada penduduk (IKRM)
		7	Kesihatan: Peratusan pesakit yang menunggu masa kurang daripada 90 minit (IKRM)
		8	Kesihatan: Bilangan kes penyakit berjangkit (IKRM)
		9	Kesihatan: Hospital (RSN)
		10	Kesihatan: Klinik kesihatan (RSN)
		11	Kesihatan: Klinik kesihatan / penduduk (RSN)
		12	Kesihatan: Klinik desa / penduduk (RSN)
		13	Kepolisan: Kadar jenayah (IKRM)
		14	Kepolisan: Kemalangan jalan raya (IKRM)
		15	Kepolisan: Balai polis (RSN)
		16	Kepolisan: Balai polis / penduduk (RSN)
		17	Kebombaan: Balai bomba (RSN)
18	Kebombaan: Balai bomba (bilangan) / penduduk (RSN)		
2	Perumahan	19	Peratusan unit rumah kos rendah kepada bilangan isi rumah B40 (IKRM B40 sj); (RSN Unit Perumahan)

<b>Bil.</b>	<b>Tema Keberhasilan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Petunjuk Keberhasilan</b>
		20	Peratusan isi rumah dengan bekalan air terawat (IKRM)
		21	Peratusan isi rumah dengan bekalan elektrik (IKRM)
		22	Peratusan isi rumah dengan liputan perkhidmatan kutipan sampah (IKRM)
		23	Bilangan isi rumah dengan langganan siaran televisyen berbayar (IKRM)
		24	Bilangan penghuni sebilik (IKRM)
3	Asas Kemasyarakatan	25	Keagamaan: Masjid / Jumlah penganut (RSN)
		26	Keagamaan: Surau / Jumlah penganut (RSN)
		27	Keagamaan: Tokong / Jumlah penganut (RSN)
		28	Keagamaan: Gereja / Jumlah penganut (RSN)
		29	Keagamaan: Kuil / Jumlah penganut (RSN 2 Kategori Daerah)
		30	Perpustakaan / Penduduk (RSN)
		31	Jumlah kawasan lapang dan rekreasi daripada keluasan tepu bina (RSN)
		32	Nisbah kawasan rekreasi (hektar) / penduduk bandar (RSN)
		33	Pewartaan kawasan lapang dan rekreasi (RSN)
		34	Taman bandar (RSN)
		35	Taman tempatan (RSN)
		36	Kompleks sukan (RSN)
		37	Menaik taraf stadium mini (RSN)
4	Pendidikan	38	Kadar penyertaan peringkat pra-sekolah (IKRM)
		39	Pendidikan: Sekolah rendah (RSN)
		40	Kadar penyertaan peringkat sekolah rendah (IKRM)
		41	Pendidikan: Sekolah menengah (RSN)
		42	Kadar penyertaan peringkat sekolah menengah (IKRM)
		43	Pendidikan: IPT (RSN)
		44	Kadar penyertaan peringkat tertiar (IKRM)

<b>Bil.</b>	<b>Tema Keberhasilan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Petunjuk Keberhasilan</b>
		45	Kadar literasi (IKRM)
		46	Kadar numerasi (PAJ)
		47	Peratusan guru siswazah di sekolah rendah (IKRM)
		48	Peratusan guru siswazah di sekolah menengah (IKRM)
		49	Peratusan calon dengan tahap kecekapan minimum (UPSR) (IKRM)
		50	Peratusan calon lulus (SPM) (IKRM)
		51	Bilangan pensyarah dengan kelayakan PhD (IKRM)
		52	Peratusan pelajar tamat sekolah rendah (IKRM)
		53	Peratusan pelajar tamat sekolah menengah (IKRM)
		54	IPT / Penduduk (RSN 2 Kategori Daerah)
		55	SR / Penduduk (RSN 2 Kategori Daerah)
		56	SR / Murid (RSN 2 Kategori Daerah)
		57	Guru SR / Murid (RSN 2 Kategori Daerah)
		58	Murid SR / Kelas (RSN 2 Kategori Daerah)
		59	SM / Penduduk (RSN 2 Kategori Daerah)
		60	SM / Murid (RSN 2 Kategori Daerah)
		61	Guru SM / Murid (RSN 2 Kategori Daerah)
		62	Murid SM / Kelas (RSN 2 Kategori Rendah)
		63	Dermaiswa Pendidikan Negeri (Data Asas Perak)
		64	Dermaiswa YAB Menteri Besar (Data Asas Perak)
5	Alam Sekitar dan Amalan Teknologi Hijau	65	Kualiti Udara - Bilangan hari status kualiti udara baik (RSN)
		66	Kualiti Udara - Peratusan bilangan hari status kualiti udara baik (RSN)
		67	Kualiti Air Sungai - Bilangan sungai yang dipantau (RSN)
		68	Kualiti Air Sungai - Bilangan sungai dalam kategori bersih (RSN)
		69	Kualiti Air Sungai - Peratusan bilangan sungai kategori bersih (RSN)

Bil.	Tema Keberhasilan	Bil.	Petunjuk Keberhasilan
		70	Kualiti Air Marin - Bilangan stesen yang dipantau (RSN)
		71	Kualiti Air Marin - Bilangan stesen kategori baik (RSN)
		72	Kualiti Air Marin - Peratusan bilangan stesen kategori baik (RSN)
		73	Peratusan / keluasan kawasan berhutan (RSN)
		74	Pewartaan kawasan hutan simpanan kekal (RSN)
		75	Bilangan taman negeri (RSN)
		76	Bilangan taman kepelbagaian hidupan (RSN)
		77	Bilangan pokok ditanam (RSN)
		78	Kuantiti sisa berjadual (IKRM)
		79	P r a t a s h m a k s i m m M
		80	Pengairan dan saliran Bilangan kawasan banjir (RSN)
		81	Pengairan dan saliran peratusan hakisan pantai (RSN)
		82	Sistem pemetungan peratusan penduduk PBT yang mendapat khidmat loji rawatan kumbahan moden (berdasarkan kuantiti PE terpasang) (RSN)
		83	Sistem pemetungan Sistem kumbahan berpusat (RSN)
		84	Pengurusan sisa pepejal - Tapak pelupusan sanitari (RSN)
		85	Pengurusan sisa pepejal - Jumlah penjanaan sisa pepejal (juta kg.) (RSN)
		86	Pengurusan sisa pepejal Pusat kitar semula (RSN)
6	Prasarana	87	Jalan raya: Panjang jalan per kapita (IKRM) / Lebuhraya (RSN)
		88	Jalan raya: Indeks pembangunan jalan raya (RDI) (IKRM)
		89	Jalan rel: Bilangan penumpang kereta api (IKRM) / Rangkaian rel (RSN)
		90	Rangkaian Perhubungan: Pemilikan kereta dan motosikal persendirian (IKRM)
		91	Rangkaian Perhubungan: Pintu masuk antarabangsa (RSN)
		92	Rangkaian Perhubungan: Terminal maritim



<b>Bil.</b>	<b>Tema Keberhasilan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Petunjuk Keberhasilan</b>
		93	Rangkaian Perhubungan: Nisbah pengangkutan awam: kenderaan persendirian (pecahan mod) Bandaraya Ipoh & lain-lain bandar
		94	Telekomunikasi & ICT: Langganan talian telefon tetap dan mudah alih (IKRM) (RSN Peratusan penggunaan talian tetap)
		95	Telekomunikasi & ICT: penembusan talian mudah alih
		96	Telekomunikasi & ICT: Peratusan penggunaan jalur lebar
		97	Telekomunikasi & ICT: Langganan Internet
		98	Telekomunikasi & ICT: Bilangan nama domain
		99	Bekalan air - Peratusan bekalan air bersih
		100	Bekalan air - Peratusan penggunaan air bersih
		101	Bekalan air Penggunaan air (JLH)
		102	Bekalan elektrik Peratusan bekalan elektrik
		103	Bekalan elektrik Keperluan maksimum (MVA)
		104	Bekalan elektrik Kapasiti terpasang (MVA)
		105	Bekalan elektrik Peratusan penggunaan bekalan elektrik
7	Seni Budaya dan Warisan	106	Bilangan keahlian perpustakaan awam dan perpustakaan negara
		107	Bilangan pengunjung Istana Budaya
		108	Bilangan pengunjung muzium
		109	Bilangan pengunjung Kompleks Kraf
8	Belia (PAJ)	110	Peratusan belia bekerja
		111	Kadar belia melanjutkan pelajaran ke IPT
		112	Kadar penyertaan belia dalam program awam
9	Wanita	113	Kadar penyertaan wanita dalam tenaga buruh
		114	Kadar pengangguran wanita dalam tenaga buruh
		115	Jumlah wanita melanjutkan pelajaran ke IPT
10	Keluarga	116	Kadar perceraian

<b>Bil.</b>	<b>Tema Keberhasilan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Petunjuk Keberhasilan</b>
		117	Kes keganasan rumah tangga
		118	Pesalah juvana
		119	Pendapatan isi rumah bulanan purata
		120	Hutang isi rumah per kapita (RM)
		121	Nisbah tanggungan
11	Warga Tua	122	Bilangan warga tua berdaftar di Jabatan Kemajuan Masyarakat / Bilangan warga tua negeri Perak
		123	Bilangan pusat jagaan warga tua berdaftar / Bilangan warga tua negeri Perak
		124	Bilangan pertubuhan sukarela kebajikan / Bilangan warga tua negeri Perak
		125	Bilangan warga tua berdaftar di pertubuhan sukarela kebajikan / Bilangan warga tua negeri Perak
		126	Bilangan pusat aktiviti warga emas / Bilangan warga tua negeri Perak
		127	Bilangan ahli pusat aktiviti warga emas / Bilangan warga tua negeri Perak
		128	Bilangan sukarelawan khidmat bantu di rumah / Bilangan klien warga emas
		129	Bilangan aduan berkaitan warga tua diselesaikan / Bilangan aduan diterima
		130	Bilangan pertubuhan sukarela kebajikan terima geran negeri / Jumlah peruntukan (RM)
		131	Bilangan pertubuhan sukarela kebajikan terima geran persekutuan/ Jumlah peruntukan (RM)
		132	Jumlah penerima bantuan orang tua / Jumlah peruntukan (RM)
12	Orang Kurang Upaya	133	Bilangan orang kurang upaya berdaftar di Jabatan Kebajikan Masyarakat
		134	Bilangan orang kurang upaya berdaftar di pertubuhan sukarela kebajikan
		135	Bilangan pelatih mengikuti program pemulihan dalam komuniti / Bilangan orang kurang upaya berdaftar
		136	Bilangan orang kurang upaya mengikuti latihan di pusat latihan perindustrian dan pemulihan / Bilangan orang kurang upaya berdaftar
		137	Bilangan penerima skim bantuan orang kelainan upaya / Bilangan orang kurang upaya berdaftar
		138	Jumlah pertubuhan sukarela kebajikan terima geran negeri / Jumlah peruntukan
		139	Jumlah pertubuhan sukarela kebajikan terima geran persekutuan/ Jumlah peruntukan

Bil.	Tema Keberhasilan	Bil.	Petunjuk Keberhasilan
		140	Bilangan sukarelawan khidmat bantu di rumah/ Bilangan klien orang kurang upaya

**Jadual 10.5: Tema Keberhasilan dan Petunjuk Keberhasilan Sejahtera Ekonomi**


Bil.	Tema Keberhasilan	Bil.	Petunjuk Keberhasilan
1	Penduduk	1	Jumlah penduduk (RSN)
		2	Pertumbuhan penduduk (Cadangan PS30)
2	Industri Utama	3	Sumbangan pertanian kepada KDNK negeri Perak
		4	Keluasan kawasan tanaman makanan / negeri (RSN)
		5	Hasil pengeluaran agromakanan (RSN)
		6	Purata pengeluaran hasil padi (tan/ hektar) (RSN)
		7	Hasil perikanan tangkapan: akuakultur (RSN)/ (tangkapan laut lepas Cadangan PS2030)
		8	Hasil ternakan (Data Asas)
		9	Sumbangan pembuatan kepada KDNK negeri Perak (RSN)
		10	Sumbangan pelancongan kepada KDNK negeri Perak (RSN)
		11	Pelancong domestik (RSN)
		12	Pelancong antarabangsa (RSN)
		13	Warisan kebangsaan (RSN)
		14	Senarai daftar warisan (RSN)
		15	Konservasi aset warisan (RSN)
		16	Warisan Dunia UNESCO (RSN)
		17	Aset warisan ketara sebagai produk pelancongan (RSN)
3	Keusahawanan	18	Unjuran keperluan ruang lantai perdagangan (kp)* (RSN)
		19	Luas tanah industri terancang diperlukan (hektar) (RSN)
		20	Pertambahan tanah industri (hektar) (RSN)
		21	Saiz pasaran IKS (PAJ)

<b>Bil.</b>	<b>Tema Keberhasilan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Petunjuk Keberhasilan</b>
		22	Pendaftaran perniagaan baru (Enterprise) (Buku Data Asas Negeri Perak)
4	Sumber Manusia dan Persekitaran Kerja	23	Pendaftaran perniagaan baru (Sdn. Bhd.) (Buku Data Asas Negeri Perak)
		24	Peratusan golongan aktif (RSN)
		25	Jumlah golongan aktif (RSN)
		26	Peratusan kadar penyertaan tenaga buruh (RSN)
		27	Kadar pengangguran (PAJ)
		28	Jumlah peluang pekerjaan sektor primer (RSN)
		29	Jumlah peluang pekerjaan sektor sekunder (RSN)
		30	Jumlah peluang pekerjaan sektor tertiar (RSN)
		31	Peratusan tenaga kerja berkelulusan tertiar (RSN)
		32	Pertikaian syarikat (IKRM)
		33	Kehilangan hari bekerja disebabkan tindakan syarikat (IKRM)
		34	Kadar kemalangan syarikat dan perjalanan (IKRM)
		35	Purata jam bekerja (IKRM)
5	Pelaburan (RSN=item 36+37)	36	Pelaburan domestik (DDI) (PAJ; Data Asas Negeri Perak)
		37	Pelaburan Luar Negara (FDI) (PAJ; Data Asas Negeri Perak)
6	Agihan Kekayaan, Kumpulan Pendapatan dan Kemiskinan	38	KDNK (RM juta) harga malar 2010 (RSN)
		39	KDNK per kapita benar (IKRM)
		40	Pekali Gini (IKRM dan PAJ)
		41	Pendapatan Bulanan Purata B40 (Data Asas Negeri Perak)
		42	Pendapatan Bulanan Purata M40 (Data Asas Negeri Perak)
		43	Pendapatan Bulanan PurataT20 (Data Asas Negeri Perak)
		44	Peratusan miskin mutlak (IKRM % kemiskinan sahaja / PSN % rakyat miskin)
		45	Peratusan miskin tegar (RSN)

**Jadual 10.6: Tema Keberhasilan dan Petunjuk Keberhasilan Sejahtera Politik**

<b>Bil.</b>	<b>Tema Keberhasilan</b>	<b>Bil.</b>	<b>Petunjuk Keberhasilan</b>
1	Tadbir Urus Kerajaan	1	Hasil kerajaan (Data Asas Negeri Perak)
		2	Perbelanjaan mengurus kerajaan (Data Asas Negeri Perak)
		3	Kadar pencapaian hasil negeri (Data Asas Negeri Perak)
		4	Pengaduan awam
		5	Bilangan transaksi e-pembayaran (IKRM)
		6	Peratusan pengguna <i>e-Filing</i> (IKRM)
		7	Peratusan kes yang diselesaikan oleh Biro Pengaduan Awam (IKRM)
		8	Peratus kes rasuah yang didakwa (IKRM)/ CPI (PAJ)
2	Perpaduan Nasional	9	Indeks Perpaduan Nasional (IPnas)
		10	Bilangan pertubuhan bukan bermotif keuntungan berdaftar (IKRM)
		11	Bilangan persatuan penduduk berdaftar (IKRM)
3	Kepimpinan	12	Pengundi berdaftar (IKRM)
		13	Keahlian RELA (IKRM)
		14	Kepimpinan Rukun Tetangga
		15	DUN Belia

## 10.2 Pemantauan Keberhasilan Berteraskan Model Ekonomi Donat



**Rajah 10.2: Pemantauan Perak Sejahtera 2030 Menggunakan Model Ekonomi Donat**

Kejayaan pelan pembangunan bergantung kepada pelaksanaan pemantauan yang inklusif dan efektif. Indeks Kesejahteraan akan dipantau secara tahunan dan pencapaiannya akan dilakarkan pada model ekonomi donat untuk memaparkan sejauh mana keseimbangan ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar tercapai. Model ekonomi donat ini menitikberatkan keseimbangan ekonomi, sosial, politik dan alam sekitar sejajar dengan matlamat Perak Sejahtera 2030.

Ekonomi donat digunakan sebagai penanda aras supaya tidak melangkaui sempadan alam raya, iaitu pengasidan laut, perubahan iklim, penipisan lapisan ozon, pencemaran udara, kekurangan kepelbagaian hidupan, penukaran kegunaan tanah, pengeluaran air tawar, penuaan nitrogen dan fosforus dan pencemaran kimia. Ia juga

tidak mengurangi keperluan manusiawi, iaitu Kesihatan dan Keselamatan Awam, Perumahan, Asas Kemasyarakatan, Pendidikan, Alam Sekitar dan Amalan Teknologi Hijau, Prasarana, Seni Budaya dan Warisan, Belia, Wanita, Keluarga, Warga tua, Orang Kurang Upaya (OKU), Penduduk, Industri Utama, Keusahawanan, Sumber Manusia dan Persekitaran Kerja, Pelaburan Domestik dan Luar Negara, Agihan Kekayaan, Kumpulan Pendapatan dan Kemiskinan, Tadbir Urus Kerajaan, Perpaduan Nasional dan Kepimpinan. Keperluan manusiawi merangkumi 21 tema keberhasilan yang diperkenalkan dalam Indeks Kesejahteraan Perak.

## **11.0 PROGRAM *FLAGSHIP* PERAK SEJAHTERA 2030**

Program *flagship* diperkenalkan sebagai pemangkin untuk mencapai agenda Perak Sejahtera 2030. Program *flagship* yang digariskan ini boleh memberi nilai tambah kepada pembangunan sosioekonomi negeri dan menjadi hala tuju kepada projek keutamaan yang akan difokuskan menuju 2030. Program *flagship* ini juga bersifat dinamik di mana pemantauan dan penambahbaikan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan kesesuaian. Peranan pemegang taruh negeri diketengahkan sebagai peneraju sektor-sektor berkepentingan dalam memacu keberhasilan pelan selaras dengan rancangan Rancangan Struktur Negeri (RSN).

### **Program *Flagship* 1: Lembah Bakul Makanan Malaysia (Sekuriti Makanan)**

Program Kerajaan Negeri bagi memastikan ketersediaan kuantiti makanan yang mencukupi dan berkualiti dibekalkan melalui pengeluaran untuk kegunaan domestik dan eksport. Antara projek yang akan dilaksanakan ialah:

- 1) Hab Daging Halal Antarabangsa**
- 2) Perak International Agro Fest**
- 3) Hab Agropelancongan**
- 4) Akademi Sekuriti Makanan**

Peneraju: Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPNP), Jabatan Pertanian, Jabatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan MARDI

### **Program *Flagship* 2: Perumahan Sejahtera**

Program perumahan mampu milik untuk rakyat berpendapatan rendah merupakan program yang diwujudkan bagi membantu mengurangkan kemiskinan rakyat. Rumah



yang selesa dan mampu milik merupakan inisiatif Kerajaan Negeri demi kesejahteraan rakyat.

Peneraju: Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri, Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak (LPHP), Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.), Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)

### **Program *Flagship* 3: Perlombongan Mampan**


Penggunaan teknologi dalam perlombongan memberikan hasil yang lebih mampan dan mengurangkan risiko pencemaran di samping mengekalkan kelestarian alam sekitar. Ia mampu menyumbang kepada perkembangan aktiviti perlombongan dan industri berasaskan mineral dan memberi nilai tambah kepada ekonomi dengan pembangunan industri hiliran dan hulu. Projek yang digariskan untuk perlombongan mampan ialah:

#### **1) Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Mineral (Centre of Excellence for Mineral Research)**

Peneraju: Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.)

#### **2) Peneraju Nilai Rantaian Mineral Rantau Asia**

Projek ini diwujudkan bagi merintis pembangunan industri pertengahan dan hiliran.



Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)

#### **Program *Flagship* 4: Koridor TVET Malaysia**

Program Koridor TVET Malaysia ini merangkumi lima (5) buah daerah, iaitu Perak Tengah, Kinta, Manjung, Larut, Matang dan Selama dan Kuala Kangsar untuk membangunkan bakat berkemahiran tinggi terutamanya belia bagi memenuhi keperluan sektor-sektor pekerjaan masa kini demi meningkatkan taraf hidup. Ketersediaan bakat berkemahiran tinggi ini bakal menjadikan negeri Perak sebagai destinasi pilihan pelabur.

##### **1) Majlis TVET Perak**

Selari dengan penubuhan Majlis TVET Negara, ia ditubuhkan bagi menambah baik penyelarasan ekosistem TVET negara bagi memastikan laluan TVET sebagai agenda nasional.

Peneraju: Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

## **2) Konsortium Pembangunan Kemahiran Profesional**

Penubuhan pusat yang mengumpulkan kepakaran dari pelbagai institusi dan agensi awam dan swasta untuk melatih dan mengeluarkan pensijilan kemahiran teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan industri negeri.

Peneraju: Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK), Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

## **3) Latihan Modular Pacuan Industri**

Projek jangka panjang ini dijalankan untuk melatih kumpulan sasaran bagi memenuhi standard dan keperluan industri di negeri Perak. Latihan yang melibatkan pelaksanaan *On the Job Training* ini menumpukan kepada modul latihan oleh industri bagi mengimbangi keperluan pasaran.

Peneraju: Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK)

## **Program *Flagship* 5: Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat**

Program ini diadakan bagi menaik taraf kehidupan masyarakat daripada segi ekonomi dan sosial sekali gus mewujudkan peluang yang adil dan saksama kepada semua lapisan masyarakat. Program ini merupakan usaha sistematik Kerajaan Negeri untuk meningkatkan taraf hidup kumpulan B40 seterusnya membantu kumpulan ini untuk keluar daripada perangkap B40 selaras dengan Pelan Strategik Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2021-2025.

### **1) 1 Keluarga 1 Ijazah**

Projek ini bertujuan menggerakkan inisiatif menjadikan pendidikan sebagai kunci keluar daripada cengkaman kemiskinan. Pelbagai pendekatan akan

dilaksanakan termasuk memberi kesedaran kepada ibu bapa mengenai kepentingan pendidikan kepada anak-anak dan memberi pendedahan bersasar kepada belia B40 mengikut kecenderungan dan minat.

Peneraju: Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk)

## **2) 1 DUN 1 Pusat Ekonomi Digital (PEDI)**

Projek ini diwujudkan bagi memberi kemudahan capaian Internet kepada komuniti setempat, memberi pendedahan kepada masyarakat setempat terhadap kepentingan teknologi komputer dan Internet serta meningkatkan taraf ekonomi dan sosial masyarakat menerusi kemudahan yang disediakan dan aktiviti yang dijalankan. Projek ini turut membuka peluang kepada masyarakat untuk melibatkan diri dalam sektor ekonomi digital.

Peneraju: Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

## **3) 1 Keluarga 1 Usahawan**

Projek ini menggalakkan belia untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan, khususnya belia yang mempunyai sijil kemahiran asas daripada institusi latihan atau pusat kemahiran tempatan bagi menaik taraf hidup dan ekonomi setempat.

Peneraju: Sekretariat Usahawan Negeri Perak (STeP) dan Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Majlis Agama Islam & Adat Melayu Perak (MAIPk)

#### **4) 1 Warga 1 Skill**

Projek ini beriltizam untuk memperkasa latihan dalam bidang teknikal dan profesional supaya lebih ramai masyarakat menjadi pakar dalam pelbagai bidang dan menguasai kemahiran kerjaya masa hadapan.

Peneraju: Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dan Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW)

#### **5) 1 Daerah 1 Aktiviti Ekonomi**

Projek ini dilaksanakan untuk pembangunan ekonomi yang dijalankan berdasarkan komuniti setempat. Ia boleh memberi manfaat langsung berasaskan produk unik yang beridentiti sesebuah daerah di samping melonjakkan produk setempat sebagai industri yang berdaya maju seiring dengan pembangunan usahawan yang berdaya saing.

Peneraju: Sekteriat Usahawan Negeri Perak (STeP), Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Veterinar, Pejabat Daerah dan Tanah, Tourism Perak dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

#### **Program *Flagship* 6: Membasmi Miskin Tegar 2025**

Program ini diadakan sebagai langkah untuk mengurangkan kemiskinan tegar dan meningkatkan kesejahteraan semua rakyat Malaysia tanpa mengira jantina, etnik, status ekonomi dan lokasi. Ia menjadi satu keutamaan dalam perancangan pembangunan negara.

## **1) Program Rintis Program Pembasmian Kemiskinan Tegar Keluarga Malaysia (BMTKM)**

Program ini dilaksanakan di lima (5) lokaliti, iaitu:

- a) Kampung Kuak Luar, Hulu Perak;
- b) Perkampungan Orang Asli Kabel, RPS Banun, Hulu Perak;
- c) Kampung Batu 3 Segari, Manjung;
- d) Kampung Batu 14, Kerian; dan
- e) Perkampungan Orang Asli Pos Musuh LZ, Batang Padang.

Peneraju: Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Pejabat Daerah dan Tanah

### **Program *Flagship* 7: Program Menyantuni Golongan Rentan**

Merujuk kepada *United Nation Electronic Government Development Index Survey* (UNEG-DI), golongan rentan terdiri daripada wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU), orang miskin, belia, pelarian atau imigran. Program untuk golongan ini diadakan untuk mengangkat keperluan dan kesejahteraan golongan rentan bagi memastikan kesejahteraan dapat dinikmati bersama.

#### **1) Age-Friendly City**

Projek rintis ke arah mewujudkan Age-Friendly City atau bandar mesra usia di Taiping. Ia merupakan satu instrumen yang menggabungkan peranan setiap individu dalam komuniti dan masyarakat setempat agar persekitaran yang didiami bebas halangan dan selamat di samping mewujudkan sistem sokongan yang berkesan untuk semua pihak. Projek ini turut membolehkan masyarakat

mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti komuniti dan menyantuni masyarakat tanpa mengira umur.

Peneraju: Majlis Perbandaran Taiping (MPT), World Health Organization (WHO) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI)

## **2) Program Sanjung**

Program ini akan menggunakan elemen inovasi sosial dalam menjamin imbal balas ekonomi kepada negeri. Matlamat utama program ini adalah untuk meningkatkan jaringan keselamatan sosial warga tua. Antara projek yang disarankan adalah pemberian insentif baucar kepada ibu bapa sebagai galakan keluarga berbelanja dalam negeri.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK)

## **3) Majlis Tindakan OKU (MTOP)**

Platform ini diwujudkan untuk menggerakkan pelaksanaan dasar dan inisiatif mesra OKU di negeri Perak. Badan ini akan memfokuskan aktiviti-aktiviti berkaitan penggubalan dasar-dasar baharu, pemeraksanaan OKU dan program kesedaran kepada masyarakat dan pemegang taruh.

Peneraju: Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

## **4) Data Wanita, OKU, Warga Tua**

## **5) Program Kepimpinan dan Ikhtisas Wanita**

Projek ini diusulkan untuk memperkasa dan membangunkan keupayaan wanita sebagai sumber insan penting dalam pembangunan keluarga dan masyarakat di negeri Perak.

Peneraju: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Sekretariat Pembangunan Wanita dan Masyarakat (SPW) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

### **Program *Flagship* 8: Agenda Perak Sihat Sejahtera**

Program ini dirangka bagi membudayakan gaya hidup sihat dalam mengimbangi tuntutan kerja dan kehidupan bagi menangani tekanan kehidupan dan mengekalkan kesihatan.

#### **1) Sejahtera Fizikal**

Kesihatan fizikal: Program sukan dan kecergasan fizikal ke arah hab kesejahteraan.

Peneraju: Jabatan Kesihatan Negeri Perak, Majlis Sukan Negara, Jabatan Belia dan Sukan, Tourism Perak

#### **2) Sejahtera Minda**

Laporan yang dikeluarkan oleh McKinsey & Company menyatakan bahawa 25 peratus Generasi Z (1995-2010) mengalami tekanan secara emosi. Ia dua kali ganda berbanding Generasi Y (1981-1994) dan Generasi X (1965-1980). Selain itu, Generasi Z juga mengelak daripada mendapatkan rawatan untuk masalah kesihatan tingkah laku. Bagi mengelakkan masalah ini menjadi lebih parah, kerajaan mengadakan projek memfokuskan kesihatan mental seperti (i) Program Kemahiran Pertolongan Cemas dalam Mengendalikan Krisis Kesejahteraan Minda, (ii) Program ToT Kesejahteraan Minda dan (iii) Skuad Sejahtera Minda.



Peneraju: Hospital Bahagia Ulu Kinta, Jabatan Pendidikan Negeri dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

### **Program *Flagship* 9: Program Mesra Pelabur**

Program ini diadakan untuk memperkasa hubungan dengan pelabur di samping menyediakan suasana mesra pelabur termasuk mengurangkan karenah birokrasi bagi menarik lebih banyak pelaburan.

#### **1) Build to Suit for Client Requirements**

Projek ini dirancang bagi mendepani perubahan landskap dunia perniagaan dengan menyediakan dan menawarkan nilai yang berpadanan dengan kehendak pelabur dari segi ketersediaan pusat data, perkilangan, gudang dan pusat hibrid, iaitu gabungan kilang yang dilengkapi dengan pejabat, bilik pameran, gudang dan bahagian pengeluaran dalam satu bangunan.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)

#### **2) PELANCAR – Taskforce Pengurusan Projek Berkepentingan Negeri**

PELANCAR merupakan kerangka tadbir urus yang diwujudkan bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan strategi dan pelan tindakan projek berkepentingan negeri.

Peneraju: Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN), Institut Darul Ridzuan (IDR), InvestPerak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Pihak Berkuasa Tempatan

#### **3) GLC EXCEL Programme**

Projek memperkasa anak syarikat Kerajaan Negeri sebagai pemudah cara dalam melonjakkan pertumbuhan ekonomi bersama-sama dengan sektor

swasta. Kaedah membimbing (*handholding*) bagi memastikan pelabur melalui kitaran pelaburan dengan jayanya.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK), Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

#### **4) Pemerkasaan Keberkesanan Tadbir Urus Anak Syarikat Kerajaan Negeri**

Projek yang dirancang ini dirangka bagi memastikan setiap anak syarikat Kerajaan Negeri berada pada tahap prestasi yang optimum dalam memainkan peranan sebagai entiti penjanaan hasil untuk negeri.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK), Invest Perak, Institut Darul Ridzuan (IDR), Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN)

### **Program *Flagship* 10: Ekonomi Pengalaman**

Program yang diilhamkan ini menawarkan ekonomi pengalaman kelas pertama bagi memastikan kelestarian pembangunan negeri. Ekonomi pengalaman memfokuskan empat sektor utama, iaitu pendidikan, pelancongan, perkhidmatan dan kesejahteraan bagi menawarkan nilai estetika kepada pengguna untuk terus kekal mendapatkan produk dan perkhidmatan.

#### **1) Koridor Pelancongan Diraja Global (Global Royal Tourism)**

Koridor ini merangkumi tiga (3) buah daerah: Kuala Kangsar, Larut Matang & Selama dan Hulu Perak. Koridor ini akan mengantarabangsakan warisan dan kebudayaan Kesultanan Melayu Perak sebagai ikon dan tarikan pelancongan ke negeri ini.

Peneraju: Tourism Perak dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

#### **2) Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara**

Ketamadunan menjadi identiti yang boleh ditonjolkan kepada pelancong asing untuk menjadikan negeri Perak sebagai destinasi pelancongan utama. Nilai tamadun dan peradaban sedia ada seperti pusat arkeologi yang bertaraf antarabangsa mampu memberi horizon baharu dalam sektor ekonomi pengalaman.

Peneraju: Tourism Perak, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK), Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

**3) Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Biodiversiti dan Ekonomi Pengalaman Royal Belum (Royal Belum Centre of Excellence for Biodiversity and Experiential Economy Research)**

Peneraju: Perbadanan Taman Negeri Perak

**4) Semarak Warisan**

Projek ini merupakan festival yang menonjolkan keunikan daerah dan program pemerksaan budaya dan warisan negeri Perak. Tujuan projek ini diadakan adalah untuk menyemarakkan aktiviti seni budaya serta mempertahankan warisan sebagai khazanah negeri melambangkan jati diri serta kesinambungan sesuatu kelompok masyarakat yang akan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Peneraju: Tourism Perak, People of Remarkable Talents (PORT) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

**5) Pelancongan Pesisir Sungai**

Projek ini memperkasakan pesisir Sungai Perak sebagai kawasan pelancongan dan rekreasi di daerah Perak Tengah. 10 kawasan yang dicadangkan dalam projek ini adalah seperti berikut:

- i) Dataran Nordin, Tanjung Belanja;

- ii) Taman Cempakasari, Parit;
- iii) Dataran Tuntung, Bota Kanan;
- iv) Padang Koba, Telok Bakong;
- v) Pulau Misa, Lambor Kiri;
- vi) Kompleks Bersejarah, Pasir Salak;
- vii) Pulau Semarak, Kampung Gajah;
- viii) Litar Dato Sagor, Kampung Gajah;
- ix) Jambatan Sejangop, Kampung Gajah; dan
- x) Kelip-kelip, Jeti Hujung Rintis, Kota Setia.

Peneraju: Pihak Berkuasa Tempatan di sepanjang Sungai Perak

#### **6) Lenggong Geopark**

Peneraju: Pejabat Daerah dan Tanah, Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN) dan Perbadanan Taman Negeri Perak

#### **7) Kinta Geopark**

Peneraju: Pejabat Daerah dan Tanah, Perbadanan Taman Negeri Perak dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN)

### **Program *Flagship* 11: Ekonomi Digital Negeri Perak**

Ekonomi digital didefinisikan sebagai aktiviti ekonomi dan sosial yang melibatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi digital oleh individu, perniagaan dan kerajaan. Pemerkasaan ekonomi digital menjanjikan peluang yang besar untuk menjadikan Perak sebuah negeri berpendapatan tinggi. Tahap ketersediaan negeri Perak mengadaptasi teknologi mendorong pertumbuhan inovasi baharu dan membuka

ruang untuk agensi kerajaan dan swasta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

### **1) Hala Tuju Ekonomi Digital Negeri Perak**

Projek ini diwujudkan bagi merealisasikan pendigitalan dalam sektor ekonomi sejajar dengan hasrat negara menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang dipacu pendigitalan dan peneraju serantau dalam ekonomi digital. Ekonomi digital berpotensi untuk meningkatkan daya saing dan dinamisme ekonomi.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Digital Perak

### **2) Konsortium Pembangunan Pakar Ekonomi Digital**

Sebuah platform hibrid yang mengguna pakai infrastruktur sedia ada untuk merancang dan melaksanakan pembangunan modal insan bagi menyokong keperluan ekonomi digital. Kerjasama sektor swasta dan awam digarap untuk merealisasikan platform ini.

Peneraju: Pusat Aspirasi Anak Perak (PASAK) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)

### **3) Pusat Kecemerlangan Analitis Data Raya**

Projek ini dirangka bagi mewujudkan pusat menganalisis data raya di negeri Perak. Pusat Analitis Data Raya merupakan pusat sains analisa data mentah yang melibatkan automasi proses mekanikal dan algoritma bagi kegunaan pengurusan, perniagaan dan tadbir urus masyarakat. Proses ini merangkumi pemeriksaan, pembersihan, perubahan dan pemodelan data bertujuan untuk mencari maklumat dan menghasilkan paparan visual yang berkesan dan optimum dalam membantu pembuatan keputusan.

Peneraju: Institut Darul Ridzuan (IDR)

#### **4) Karnival Pendigitalan Pendidikan**

Karnival ini diadakan bertujuan melahirkan lebih ramai tenaga pakar dalam bidang teknologi pendidikan dan *emerging technology* bagi persediaan negara ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0). Selain itu, *digital leadership* dalam kalangan Pengetua dan Guru Besar juga akan direalisasikan melalui karnival ini bagi membawa perubahan penggunaan peranti digital dalam bidang pengurusan pendidikan sebagai medium pengajaran dan pembelajaran melalui perancangan strategik sejajar dengan visi sekolah.

Peneraju: Jabatan Pendidikan Negeri, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk) dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

#### **5) Akademi E-Sukan**

Projek ini akan mewujudkan akademi sebagai hab pendidikan sukan yang menyediakan kemudahan dan menjadi platform untuk mengasah bakat dan kemampuan belia bagi menjadi atlet e-sukan. Akademi ini akan membuka peluang kepada golongan belia untuk menceburi dunia e-sukan di samping membuka peluang pekerjaan kepada belia pada masa akan datang. Usaha ini bukan sahaja memberi peluang kepada belia, malah turut memperkasa industri e-sukan negeri Perak di peringkat negeri dan global.

Peneraju: Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBS), Majlis Sukan Negeri dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

### **Program *Flagship* 12: Sumber Air dan Sumber Tenaga Boleh Baharu**

Program ini dirangka bagi melonjakkan negeri Perak sebagai negeri penyumbang utama sumber air semula jadi dan peneraju sumber elektrik Malaysia.

#### **1) Badan Kawal Selia Air**

Peneraju: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Lembaga Air Perak (LAP)

#### **2) Agenda Teknologi Hijau (Solar dan Hidro)**

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK) dan MajuPerak

### **Program *Flagship* 13: Hab Maritim dan Pelabuhan Nusantara**

Program ini memfokuskan aktiviti-aktiviti rantaian nilai berkaitan maritim bagi merancakkan ekonomi setempat dan juga melonjakkan negeri Perak sebagai negeri pelabuhan pintar.

#### **1) Pelabuhan Lumut (Lumut Port)**

Kepentingan projek ini adalah untuk memfokuskan fungsi Lumut Port melalui Terminal Maritim Lumut dan Terminal Pukal Lekir yang diiktiraf sebagai pelabuhan yang menjadi pemangkin perkembangan ekonomi, pembangunan dan perindustrian negeri dan negara secara amnya. Pelabuhan Lumut Kedua dijangka siap sepenuhnya pada awal 2023 dan akan ditetapkan sebagai pusat pelabuhan pertama di Perak yang berkonsepkan *± & / ^ æ} ÁKawasan [ q* industri baharu berhampiran Pelabuhan Lumut Kedua akan diterokai untuk menarik lebih ramai pelabur ke Perak.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK)

#### **2) Terminal Kargo Ipoh (Ipoh Cargo Terminal)**

Projek ini diwujudkan bagi menghubungkan Terminal Maritim Lumut dan Terminal Pukal Lekir dengan Terminal Kargo Ipoh (Ipoh Cargo Terminal).

Projek ini sebagai usaha untuk mewujudkan sinergi antara Pelabuhan Lumut dan ICT dan meningkatkan pasaran pengendalian kontena sedia ada di Perak.

Peneraju: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK)

### **3) Border Town Gateway Hulu Perak**

Peneraju: Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN)

#### **Program *Flagship* 14: Pusat Kecemerlangan Balai Cerap Negara**

Penggabungan kepakaran dan penyediaan kemudahan pencerapan bertaraf antarabangsa akan dilaksanakan melalui program ini untuk penyelidikan dan perundingan dalam bidang astronomi di Malaysia dan rantau Nusantara.

Peneraju: Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) dan Unit Perancang Ekonomi Perak (UPEN)

#### **Program *Flagship* 15: Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027**

Pengiktirafan Ipoh sebagai bandar ekonomi donat pertama di rantau Asia meletakkan negeri Perak seiring dengan negara-negara peneraju kelestarian alam sejagat dalam merancang dan melaksanakan pembangunan sosioekonomi. Jaringan yang bakal terjalin menerusi pengiktirafan ini boleh dimanfaatkan untuk penjenamaan dan pemeraksanaan negeri secara inklusif.

Peneraju: Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), Institut Darul Ridzuan (IDR) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN)



## **Program *Flagship* 16: SMART Perak**

Program ini digariskan bagi menggerakkan inisiatif teknologi hijau, bandar pintar dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) bagi membina Perak yang lebih baik dan lestari untuk rakyat Perak menjelang tahun 2030.

### **1) SMART City Ipoh 2030**

*Smart City* atau Bandar Pintar merupakan satu pendekatan baharu dalam pengurusan dan perkhidmatan bandar untuk memberikan tumpuan kepada bandar yang berintensifkan teknologi, sensor dan peranti bagi mengintegrasikan maklumat dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan pengurusan bandar, meningkatkan aktiviti ekonomi dan penglibatan masyarakat. Pelan tindakan Bandar Pintar Ipoh 2020 – 2030 akan menjadi pemandu arah dalam menjadikan ibu negeri Perak sebagai sebuah bandaraya pintar, berdaya huni, berdaya tahan dan lestari menjelang tahun 2030. Bagi memastikan pelan ini berjaya, sebanyak tujuh (7) komponen utama bandar pintar telah dikenal pasti, iaitu *Smart Economy*, *Smart Living*, *Smart Environment*, *Smart People*, *Smart Government*, *Smart Mobility* dan *Smart Digital Infrastructure* sebagai solusi kepada 24 cabaran perbandaran dan potensi yang telah dikenal pasti di Bandaraya Ipoh.

Peneraju: Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPk)

### **2) Perbadanan Teknologi Hijau Perak**

Sebuah badan yang bertanggungjawab merancang, melaksana dan memantau pelaksanaan projek hijau bagi mengekalkan kelestarian alam di samping mendidik masyarakat yang berpengetahuan ke arah pembudayaan hijau di negeri Perak.

Peneraju: Unit Perancang Ekonomi Negeri Perak (UPEN), Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNPK)

### **Program *Flagship* 17: Komuniti Perak Sejahtera**

Pemupukan perpaduan, kemakmuran demi kesejahteraan komuniti akan dilaksanakan melalui program ini untuk menjadikan negeri Perak sebagai hab dan negeri contoh dalam kesukarelawanan. Bagi merealisasikan aspirasi ini, program ini akan memupuk rasa cinta terhadap kerja-kerja kesukarelawanan dan melengkapkan diri dengan nilai-nilai murni, jati diri dan kemahiran insaniah yang tinggi.

#### **1) Komuniti Rukun Tetangga**

Projek ini akan mewujudkan kesatuan dalam organisasi sedia ada dalam suatu kawasan bagi menjaga keselamatan komuniti setempat. Selain itu, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan juga akan dilaksanakan melalui kesatuan ini bagi mengukuhkan semangat perpaduan, keharmonian, kerjasama, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat.

Peneraju: Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)

#### **2) Skuad Perak Sejahtera**

Projek yang dirangka ini dirancang bagi menjayakan agenda penting pembangunan negeri. Penyertaan belia dan masyarakat tanpa mengira latar belakang, agama dan bangsa dalam aktiviti kesukarelawanan amat signifikan bagi melahirkan sebuah komuniti berempati. Intensif untuk sukarelawan akan diberikan bagi membolehkan golongan ini memberi khidmat bakti dengan berbekalkan ilmu dan kemahiran yang relevan dalam menjalankan tugas menyumbang kepada komuniti, di samping membantu kerajaan melaksanakan

kerja kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan. Skwad ini akan diwujudkan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri Perak bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat

Peneraju: Kerajaan Negeri Perak dan Institut Darul Ridzuan (IDR)

### **3) Celik Negara**

Pendedahan kepada masyarakat mengenai literasi demokrasi dalam aspek mendidik kematangan politik dalam kalangan belia yang menjadi tunjang kepada pembangunan negeri akan diberikan melalui projek ini. Bagi memastikan usaha pembangunan masyarakat dapat dilaksanakan secara holistik, projek ini juga diadakan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai Perlembagaan Malaysia dan tadbir urus negeri melalui konsep penggubalan polisi yang memerlukan sokongan dan aspirasi daripada setiap lapisan masyarakat. Projek ini turut mengambil peluang untuk memfokuskan elemen pendigitalan dengan memberi pendedahan terhadap kepentingan pengaplikasian media sosial untuk menghebahkan maklumat berkaitan negeri sejajar dengan matlamat pelan Perak Sejahtera 2030.

Peneraju: Institut Darul Ridzuan (IDR), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS)

### **Program *Flagship* 18: Santuni Orang Asli**

Projek ini akan dijadikan platform bagi mendekati, menyantuni dan membimbing masyarakat orang asli agar tidak terpinggir dari arus perkembangan negeri. Generasi muda orang asli akan diberikan pendedahan awal dan menormakan generasi ini dengan arus dunia kini. Dalam menyantuni masyarakat orang asli, pemahaman adat dan budaya orang asli juga akan diberikan keutamaan.

## **1) Kampung Angkat**

Projek ini dirangka bagi memupuk kepekaan rakyat terhadap kehidupan orang asli di samping meraikan setiap perbezaan serta mendidik rakyat Perak mengenai cabaran yang dihadapi oleh Orang Asli.

Peneraju: Anak Syarikat Kerajaan Negeri, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Unit Perancang Ekonomi Perak (UPEN)

## **12.0 NARATIF, NICHE DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DAERAH**

Penjenamaan daerah-daerah di negeri Perak mengikut keistimewaan dan potensi penting dalam memacu pertumbuhan dan membangunkan daerah yang seterusnya menjadi hala tuju dalam melonjakkan pertumbuhan. Potensi yang dimiliki oleh daerah-daerah menjadi penanda aras kepada perancangan pembangunan di peringkat pentadbiran daerah. Projek-projek berimpak tinggi juga disenaraikan berdasarkan projek yang telah diwartakan dalam Rancangan Struktur Negeri 2040, Rancangan Tempatan Daerah dan Pelan Pembangunan Strategik Wilayah Ekonomi Koridor Utara 2021-2025.

### **12.1 Daerah Hulu Perak**

#### **12.1.1 Naratif**

Daerah Hulu Perak mempunyai keluasan tanah 6,582 km persegi. Bilangan penduduk di daerah Hulu Perak pada tahun 2020 dianggarkan seramai 103.4 ribu dengan 51.5 peratus lelaki dan 48.5 peratus perempuan. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan di daerah ini ialah 0.6 peratus. Daerah Hulu Perak mempunyai bilangan penduduk yang ketiga terendah di negeri Perak. Terdapat 28.4 ribu buah kediaman yang menempatkan 25.7 ribu isi rumah dengan purata saiz isi rumah ialah 4.0. Penduduk Hulu Perak terdiri daripada 97.3 peratus warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 87.6 peratus Bumiputera, 8.6 peratus Cina, 1.5 peratus India dan 2.3 peratus lain-lain. 2.7 peratus penduduk terdiri dalam kalangan bukan warganegara.

Bandar utama di daerah Hulu Perak ialah Gerik. Daerah ini bersempadan dengan negeri Kedah, negeri Kelantan dan juga negara jiran, iaitu Thailand. Bandar Gerik terletak di tengah-tengah di antara negeri Kedah dan Kelantan jika melalui lebuhr

raya Kedah - Kelantan. Negeri Perak boleh mengambil peluang daripada pelaksanaan inisiatif Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia Malaysia Thailand (IMT GT) bagi menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi di daerah Hulu Perak.

Sektor-sektor utama di daerah Hulu Perak ialah pelancongan warisan dan ekopelancongan, pertanian, perindustrian serta perdagangan dan pengurusan. Sektor pertanian di daerah Hulu Perak perlu diperkasakan dengan pertanian berteknologi tinggi bagi meningkatkan pengeluaran. Hasil pertanian ini berpotensi untuk dieksport ke negara lain bagi meningkatkan pendapatan warga petani. Sektor pelancongan pula bertumpu di kawasan Pengkalan Hulu, Gerik dan Lenggong yang dikenali sebagai destinasi percutian terkenal bagi para pencinta alam di Malaysia. Pelancongan warisan dan ekopelancongan di Hulu Perak akan difokuskan untuk mengarusperdanakan ekonomi berteraskan biodiversiti.

Tasik Temenggor dan Royal Belum yang terletak di Hulu Perak berpotensi untuk dibangunkan sebagai warisan dunia dan tapak warisan UNESCO. Selain itu, kawasan ekopelancongan Zon Kepelbagaian Hidupan Royal Belum dan Galeri Arkeologi Kota Tampan juga diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO pada tahun 2012 kerana tersimpan khazanah silam seperti rangka manusia yang berusia lebih 100 tahun yang ditemui di negeri Perak.

Tasik Temenggor merupakan empangan jana kuasa hidroelektrik di utara negeri Perak. Empangan ini dibina pada tahun 1970 dan siap sepenuhnya pada tahun 1974. Air dari empangan ini disalurkan sebagai bekalan air minuman bagi penduduk negeri Perak dan Pulau Pinang. Empangan yang mempunyai keluasan 152 kilometer persegi dan mengandungi 6,050 juta meter padu air ini turut merangkumi Hutan Simpan Belum seluas 117,500 hektar. Di bahagian tengah tasik ini terdapat sebuah

pulau yang dikenali sebagai Pulau Banding atau Tasik Banding. Gua Gendang juga dikenali sebagai tempat bersejarah kerana ia digunakan sebagai tempat persembunyian anggota komunis semasa zaman darurat.

Cadangan untuk membangunkan kawasan perniagaan baharu di persimpangan Tasik Raban dijangka dapat meningkatkan perkhidmatan sedia ada di Hulu Perak sekali gus meningkatkan peluang pekerjaan kepada penduduk sekitar. Cadangan seterusnya ialah memperkasakan industri bijih timah dengan mewujudkan Tin Valley yang memberi manfaat kepada penduduk di sekitar lembah tersebut. Di samping itu, sempadan Thailand di Pengkalan Hulu turut boleh dibangunkan dengan pelbagai kemudahan bagi meningkatkan kegiatan ekonomi antara dua (2) buah negara. Zon Sempadan Baling - Pengkalan Hulu - Betong memfokuskan perlombongan lestari, pelancongan dan industri kotej berasaskan sumber tempatan. Ia termasuk memudahkan pelancong antarabangsa untuk masuk ke Thailand menerusi sempadan tersebut dan meningkatkan import dan eksport bahan keperluan harian untuk kegunaan rakyat Malaysia.

### 12.1.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi

Mengarusperdanakan ekonomi berteraskan biodiversiti dijadikan *niche* daerah Hulu

Perak. Projek-projek yang akan diberi perhatian di daerah ini ialah seperti berikut:





## **12.2 Daerah Kerian**

### **12.2.1 Naratif**

Daerah Kerian merupakan daerah yang berada di utara negeri Perak bersempadan dengan negeri Kedah, Pulau Pinang dan daerah Larut, Matang dan Selama . Daerah ini mempunyai keluasan tanah 91,299.93 hektar dengan kepadatan penduduk seramai 233,000 orang dan purata saiz isi rumah 4.5.


Bilangan penduduk di daerah Kerian pada 2020 dianggarkan seramai 193.8 ribu orang dengan 50 peratus penduduk lelaki dan 50 peratus penduduk perempuan. Penduduk Kerian terdiri daripada 97.9 peratus warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 74.8 peratus Bumiputera, 15.8 peratus Cina, 7.0 peratus India dan 0.3 peratus lain-lain. Manakala, 2.10 peratus penduduk terdiri daripada penduduk bukan warganegara.

Dari sudut fizikal permukaan bumi, daerah Kerian diliputi oleh 37.93 peratus tanah pertanian, 25.56 peratus bagi tujuan penanaman padi sahaja dan 17.46 peratus diliputi oleh hutan. Daerah ini terkenal sebagai pengeluar padi ketiga terbesar bagi seluruh Malaysia.

Kerian merupakan sebuah daerah yang memfokuskan sumber pertanian seperti perladangan dan komoditi seperti kelapa sawit dan getah. Selain itu, daerah Kerian turut berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan penanaman padi berteknologi tinggi. Pengeluaran padi yang bermutu tinggi dan penghasilan pada kadar yang besar menjadi fokus utama perancangan tempatan daerah Kerian 2035. Walau bagaimanapun, daerah ini kini berkembang dan memberi perhatian kepada pembangunan industri tenaga boleh baharu, iaitu tenaga solar serta industri automotif, tekstil dan peranti elektronik.

### 12.2.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi

Transformasi Jelapang Padi disyorkan sebagai *niche* daerah Kerian. Projek-projek berimpak tinggi yang akan dilaksanakan di daerah ini ialah seperti berikut:



## **12.3 Daerah Larut, Matang dan Selama**

### **12.3.1 Naratif**

Daerah Larut, Matang dan Selama merupakan satu-satunya daerah yang terpanjang di negeri Perak dengan mempunyai keluasan tanah 151,104.03 hektar, iaitu 170 kilometer persegi yang merangkumi tiga (3) buah daerah kecil, iaitu Larut, Matang dan Selama. Daerah ini bersempadan dengan daerah Kerian di barat laut, daerah Kuala Kangsar di timur, daerah Manjung di selatan, dan daerah Hulu Perak di timur laut. Pusat pentadbiran daerah ini terletak di bandar Taiping yang merupakan antara bandar terawal di Malaysia. Bilangan penduduk di daerah Larut, Matang dan Selama pada tahun 2020 dianggarkan seramai 354.8 ribu orang dengan 50.5 peratus penduduk lelaki dan 49.5 peratus penduduk perempuan. Penduduk daerah Larut, Matang dan Selama terdiri daripada 97.9 peratus warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 63.5 peratus Bumiputera, 23.8 peratus Cina, 9.9 peratus India dan 0.34 peratus lain-lain. Manakala, 2.1 peratus penduduk di daerah ini terdiri dalam kalangan bukan warganegara.

Antara sektor keutamaan di daerah ini ialah perindustrian, pertanian, penternakan dan perikanan serta pelancongan dan komersial. Produk ekonomi di daerah Larut, Matang dan Selama berasaskan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang berpusat di Kamunting. Manakala kawasan Matang pula terkenal dengan Industri Bakau, iaitu arang dan produk akuakultur. Kedua-dua kawasan ini boleh dibangunkan sebagai ikon daerah dengan menjadikan Kamunting sebagai hab IKS Pintar Negeri Perak dan Matang sebagai pembekal kayu arang di persada antarabangsa.

Untuk sektor pelancongan pula, pembinaan infrastruktur Jejak Warisan Taiping (Taiping Heritage Trail) merupakan usaha sama antara *Northern Corridor Economic Region* (NCER) dengan Majlis Perbandaran Taiping (MPT) bagi melaksanakan perancangan Rancangan Kawasan Khas Bandar Warisan Taiping (RKK Taiping). Jejak Warisan Taiping merupakan satu lingkaran sepanjang 12 km meliputi sekitar Zon RKK Bandar Warisan Taiping termasuk kawasan Taman Tasik. Projek ini menampilkan 40 tempat bersejarah yang menonjolkan keunikan seni bina bangunan, budaya dan peninggalan sejarah yang ketara dan tidak ketara. Sebahagian daripada lokasi-lokasi tersebut adalah Tugu Peringatan Perang, Pejabat Telegraf, Perpustakaan Peringatan, Menara Jam, Stesen Kereta Api Lama, Muzium Perak, Pasar Besar Taiping dan lain-lain lagi.

### 12.3.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi

Hab IKS Pintar dijadikan *niche* di daerah Larut, Matang dan Selama dan menyokong Koridor Pelancongan Diraja Global. Berikut merupakan projek-projek berimpak tinggi yang diutamakan di daerah Larut, Matang dan Selama:



## **12.4 Daerah Bagan Datuk**

### **12.4.1 Naratif**

Bagan Datuk atau lebih sinonim dengan panggilan Bagan Datoh oleh masyarakat setempat merupakan sebuah bandar kecil. Menurut sejarah, Tok Upor dan Tok Kelah merupakan individu utama yang membuka Bagan Datuk. Nama Bagan Datuk ialah gabungan antara lokasi dan struktur rumah penduduk asal. Struktur rumah orang Melayu ketika itu didirikan di tepi Sungai Perak. Penghuninya dihubungkan dengan ambatan nt k ke daratan Struktur binaan ini di anggil bagan

Daerah ini memiliki empat (4) buah mukim, iaitu Bagan Datuk, Rungkup, Hutan Melintang dan Teluk Bharu. Daerah ini pada asalnya merupakan sebahagian daripada daerah Hilir Perak yang berpusat di Teluk Intan. Pada Januari 2016, daerah kecil Bagan Datuk telah diwujudkan. Daerah ini kemudiannya diwartakan oleh Kerajaan Negeri Perak sebagai sebuah daerah penuh pada 15 Julai tahun yang sama. Daerah Bagan Datuk terkenal dengan tanaman kelapa dan menjadi pengeluar hasil kelapa terbesar negara.

Daerah Bagan Datuk mempunyai keluasan tanah 949.7 km persegi. Bilangan penduduk di daerah Bagan Datuk pada tahun 2020 dianggarkan seramai 71.3 ribu dengan 53.0 peratus lelaki dan 47.0 peratus perempuan. Terdapat 61.6 ribu buah kediaman yang menempatkan 54.0 ribu isi rumah dengan purata saiz isi rumah ialah 4.1. Penduduk Bagan Datuk terdiri daripada 93.8 peratus warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 52.6 peratus Bumiputera, 25.2 peratus Cina, 15.7 peratus India dan 0.3 peratus lain-lain. Penduduk bukan warganegara pula adalah 6.18 peratus.

Daerah Bagan Datuk merupakan hab pendaratan perikanan laut dalam di Hutan Melintang dan kawasan penanaman kelapa utama negara. Penanaman kelapa banyak dikuasai oleh pekebun kecil yang telah lama mengusahakannya sebagai tanaman komoditi utama. Manakala kelapa sawit pula merupakan tanaman komoditi utama yang giat diusahakan di daerah Bagan Datuk.

Tumpuan syarikat atau pengusaha produk hiliran berasaskan perikanan berskala besar di Hutan Melintang menyumbang kepada status pekan ini sebagai salah sebuah hab perikanan laut dalam negara yang paling aktif. Pengusaha-pengusaha ini memasarkan hasil produk mereka di dalam dan luar negara. Ternakan ayam juga merupakan aktiviti yang diusahakan secara berskala besar. Terdapat empat (4) buah ladang ternakan ayam di daerah Bagan Datuk dengan jumlah populasi ternakan sebanyak 212,000 atau secara purata 54,000 ekor setiap penternak.

Daerah Bagan Datuk berpotensi menjadi destinasi pelancongan kerana terdapat pelbagai aset pelancongan dan warisan yang boleh dijadikan tarikan pengunjung. Bagan Datuk mempunyai tujuh (7) aset pelancongan dengan keunikan tersendiri yang boleh dijadikan pakej pelancongan negeri Perak, iaitu Beting Beras Basah, Pulau Sembilan yang digelar *Blue Tears / Blue Sands*, *Skymirror* di Bagan Sungai Burong, Produk Berasaskan Laut, Rekreasi Pulau Sembilan, Inap Desa (ekopelancongan) dan tanaman kelapa (agropelancongan). Keunikan *skymirror* boleh menjadi pemangkin ekonomi pelancongan setempat. Bagan Datuk Waterfront merupakan kawasan utama yang banyak dilawati pelancong.

### **12.4.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi**

Bagan Datuk diiktiraf sebagai Persada Kelapa Dunia. Antara projek berimpak tinggi yang digariskan untuk daerah Bagan Datuk adalah seperti berikut:





## **12.5 Daerah Hilir Perak**

### **12.5.1 Naratif**

Daerah Hilir Perak merupakan antara daerah yang terkecil dari segi keluasan dan jumlah penduduk di negeri Perak. Pembentukan daerah baharu, iaitu Bagan Datuk memberi kesan kepada pengecilan saiz penduduk dan keluasan fizikalnya. Daerah Hilir Perak mempunyai keluasan tanah 792.1 km persegi dengan anggaran bilangan penduduk seramai 150.3 ribu pada tahun 2020 dengan 50.3 peratus ialah lelaki dan 49.7 peratus perempuan. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan di daerah ini ialah 0.3 peratus. Terdapat 61.9 ribu buah kediaman menempatkan 54.5 ribu isi rumah dengan 4.1 purata saiz isi rumah. Jumlah penduduk Hilir Perak terdiri daripada 94.14 warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 52.7 peratus Bumiputera, 25.3 peratus Cina, 15.8 peratus India, 0.3 peratus lain-lain dan 5.9 peratus bukan warganegara.

Teluk Intan merupakan bandar utama yang ditadbir di bawah Majlis Perbandaran Teluk Intan. Terdapat beberapa buah tempat yang menarik di daerah Hilir Perak seperti Memorial Peringatan Perak Batu Bertenggek yang merupakan memorial peringatan Perang Dunia Pertama bagi perajurit yang terkorban dan Beting Beras Basah yang merupakan lokasi penting bagi kerabat diraja Perak untuk istiadat diraja. Beting Beras Basah dikaitkan dengan Sultan Perak yang pertama telah menjejakkan kaki di situ.


Sektor utama di daerah Hilir Perak ialah sektor pertanian, perikanan dan pembuatan yang menjadi penyumbang utama kepada ekonomi daerah Hilir Perak. Terdapat perancangan untuk mewujudkan industri penapisan petroleum dan perindustrian bijih besi di Rungkup, Bagan Datuk; petroleum yang dihantar

menggunakan kapal tangki akan ditapis yang kemudiannya disalurkan ke Kelantan menerusi paip sebelum kapal tangki yang lain mengambil petroleum tersebut. Selain itu, Menara Condong Teluk Intan juga dijadikan ikon yang unik. Fungsi utamanya ialah sebagai tangki air untuk penduduk Teluk Intan. Ia turut dikenali sebagai menara jam dengan ketinggian 25.5 meter, mempunyai lapan (8) aras dan sedikit condong. Manakala Kuil Hock Soon Keong pula merupakan kompleks kuil yang terkenal di Teluk Intan. Candi Hock Soon ialah titik tengah bagi semua orang Cina Hokkien pada era kolonial British untuk menyelesaikan masalah pertengkaran antara puak-puak dan memberi bantuan kepada golongan miskin. Pusat Rekreasi River Front Teluk Intan sesuai bagi pengunjung untuk beriadah. Pengunjung juga boleh berfoto kerana pemandangan yang indah. Pengunjung yang suka akan udang galah boleh menikmati keunikannya di Restoran Udang Galah di Teluk Intan.

Pulau Bangau yang berkeluasan 14.346 hektar mempunyai keunikannya yang tersendiri. Pulau ini dinamakan Pulau Bangau berikutan populasi burung bangau yang menjadikan pulau yang terletak di tengah Sungai Perak ini sebagai habitat mereka kerana kedudukannya yang strategik dan bebas daripada ancaman manusia. Terdapat lebih kurang 13 spesies burung bangau di pulau ini, antaranya ialah *Great Egret*, *Cattle Egret*, *Chinese Egret*, *Little Egret*, *Black Crowned Night*, *Grey Heron*, *Yellow Bittern*, *Striated Heron*, *White Breasted Waterhen*, *Asian Openbill Heron*, *Purple Heron*, *Little Cormorant* dan *Lesser Adjutant*. Selain itu, terdapat juga burung lain seperti burung helang, raja udang dan enggang. Spesies burung bangau yang ditemui di sini merupakan beribu-ribu burung bangau yang bermastautin dan bermigrasi ke pulau ini.

### **12.5.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi**

Lembah Agromakanan difokuskan di daerah Hilir Perak. Berikut merupakan projek-projek berimpak tinggi yang digariskan di daerah ini:



## **12.6 Daerah Batang Padang**

### **12.6.1 Naratif**

Daerah Batang Padang merangkumi Tapah, Chenderiang, Bidor, Mambang Diawan dan Sungkai. Bandar utama di daerah ini ialah Tapah. Daerah Batang Padang merupakan daerah keempat terbesar di negeri Perak. Ia terletak di antara dua (2) buah zon perancangan metropolitan yang berkembang pesat, iaitu Zon Perancangan Metropolitan Lembah Kinta dan Zon Perancangan Metropolitan Lembah Klang. Daerah ini mempunyai keluasan tanah 1,794 kilometer persegi dengan kepadatan penduduk sekitar 0.72 orang per hektar. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan di daerah Batang Padang ialah 0.2 peratus. Sektor pekerjaan yang ditawarkan di daerah Batang Padang terbahagi kepada pertanian dengan 67.88 peratus dan pembuatan sebanyak 24.72 peratus. Manakala selebihnya melibatkan penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman dengan 3.70 peratus.

Pada tahun 2020, bilangan penduduk di daerah Batang Padang dianggarkan seramai 127.3 ribu orang dengan 51.4 peratus lelaki dan 48.6 peratus perempuan. Penduduk daerah Batang Padang terdiri daripada 95.5 peratus warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 65.0 peratus Bumiputera, 18.31 peratus Cina, 11.6 peratus India dan 0.55 peratus lain-lain. Manakala, 4.50 peratus penduduk terdiri dalam kalangan bukan warganegara.

Daerah Batang Padang sebelum ini amat terkenal dengan aktiviti perlombongan bijih timah tetapi kini hanya terdapat peninggalan bekas lombong yang diusahakan oleh penduduk tempatan dengan aktiviti penternakan dan perikanan akuakultur. Daerah ini juga amat kaya dengan sumber semula jadi terutamanya kawasan hutan simpan dan hasil mineral. Ia dijadikan sebagai kawasan tarikan

ekopelancongan, khususnya di kawasan hutan lipur seperti Lata Kinjang, Lata Iskandar, Lata Gedung dan kawasan rekreasi Kuala Woh. Selain itu, daerah ini turut mempunyai tempat menarik yang boleh dilawati seperti Felda Residence Hot Springs dan Taman Ekorimba Lata Kinjang. Terdapat juga produk seni ukiran kayu dan kraf tangan, buah-buahan dan hasil hutan oleh orang Asli yang boleh diperolehi di daerah ini seperti di kawasan air terjun Lata Iskandar dan Kuala Woh.

Daerah Batang Padang juga berpotensi tinggi dalam pembangunan pelancongan kerana kewujudan aset sumber semula jadinya, tarikan flora dan fauna dan elemen kebudayaan. Kesemua faktor ini berpotensi untuk diketengahkan dan dipromosikan bagi memenuhi permintaan pelancongan tempatan dan antarabangsa. Ia menyumbang kepada ekonomi pengalaman yang telah dibincangkan sebelum ini.

Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah, terdapat empat (4) kategori produk pelancongan yang dicadangkan untuk daerah Batang Padang, iaitu ekopelancongan, agropelancongan, pelancongan warisan dan budaya dan pelancongan makanan dan minuman. Ekopelancongan ialah pelancongan yang berasaskan elemen dan sumber alam semula jadi. Agropelancongan pula berasaskan sumber pertanian dan perkampungan yang boleh dimajukan bersama sebagai daya tarikan pelancong. Manakala pelancongan warisan dan kebudayaan merupakan tema yang berasaskan elemen kebudayaan yang melibatkan perkampungan Melayu tradisi, inap desa, Orang Asli dan warisan sejarah. Akhir sekali, pelancongan makanan dan minuman merupakan aktiviti pelancongan yang menjadikan makanan sebagai subjek utama dan medium, destinasi dan kenderaan pelancongan yang berkait dengan penerokaan makanan.

### 12.6.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi

ASEAN Agrotech Distribution Centre diangkat sebagai *niche* daerah Batang Padang.

Projek-projek yang dibangunkan dalam daerah ini ialah:



## 12.7 Daerah Muallim

### 12.7.1 Naratif

Sebelum diisytiharkan sebagai daerah pentadbiran baharu yang ke-11 di negeri Perak pada 11 Januari 2016, daerah Muallim merupakan sebahagian daripada daerah Batang Padang. Perkataan *muallim* berasal dari kata perkataan Arab yang berhubung kait dengan ilmu dan ilmuwan yang bermaksud orang ahli agama.

Daerah Muallim mempunyai keluasan tanah 934 km persegi. Bilangan penduduk di daerah Muallim pada tahun 2020 dianggarkan seramai 70.8 ribu orang dengan 37.0 peratus ialah lelaki dan 33.8 peratus ialah perempuan. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan di daerah ini ialah 0.01 peratus. Komposisi penduduk mengikut etnik pula ialah 71.8 peratus Bumiputera, 11.4 peratus Cina, 11.0 peratus India, 0.3 peratus lain-lain dan 5.5 peratus bukan warganegara.

Daerah Muallim ber potensi untuk dibangunkan sebagai daerah perindustrian Automotif Negara dan Daerah Mesra Belia dan Mamam dan Tanjong Malim merupakan salah satu daripada Kluster Automotif Nasional yang mengeluarkan kereta jenama Proton yang menjadi tumpuan di peringkat global.


Pengenalan teknologi 5G berpotensi untuk merevolusikan industri automotif dan mengubah sektor pengangkutan. Proton telah mengumumkan kerjasama dengan Maxis bagi penggunaan teknologi 5G di kilang pemasangannya di Tanjong Malim. Tanjong Malim juga telah menjadi satu-satunya Bandar Mesra Belia di Malaysia yang memberi impak kepada pembangunan daerah Muallim. Seterusnya, lokasi daerah Muallim yang strategik, iaitu berdekatan dengan Lembah Klang, jaringan perhubungan bersepadu dan berhampiran dengan Konurbasi Nasional, bakal

memberi limpahan ekonomi kepada penduduk Tanjong Malim khasnya dan negeri Perak amnya.

### **12.7.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi**

Hab Inovasi Teknologi Automotif akan diperkasakan sebagai *niche* di daerah Muallim di samping menyokong pelaksanaan negeri Perak sebagai Koridor TVET Malaysia.

Projek-projek yang difokuskan di daerah ini ialah seperti berikut:





## **12.8 Daerah Kuala Kangsar**

### **12.8.1 Naratif**

Daerah Kuala Kangsar terkenal dengan pusat daerahnya yang merupakan Bandar Diraja negeri Perak. Daerah ini mempunyai kepadatan penduduk 171,800 orang, negeri yang meliputi 256,360.64 hektar dan bersempadan dengan daerah Hulu Perak, daerah Larut, Matang dan Selama, daerah Kinta dan negeri Kelantan.

Bilangan penduduk di daerah Kuala Kangsar pada tahun 2020 dianggarkan seramai 171.8 ribu orang dengan 49.7 peratus penduduk lelaki dan 50.3 peratus penduduk perempuan. Penduduk di daerah Kuala Kangsar terdiri daripada 97.6 peratus warganegara dan 2.4 peratus bukan warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 65.0 peratus Bumiputera, 20.1 peratus Cina, 11.9 peratus India dan 0.3 peratus lain-lain.

Sebilangan besar tanah digunakan untuk kepentingan pertanian, iaitu 29.9 peratus. Selain itu, terdapat 169,227.32 hektar tanah yang dipenuhi oleh hutan, iaitu seluas 66 peratus. Manakala hanya 2.86 peratus tanah, iaitu seluas 7,344.58 hektar, digunakan untuk zon perumahan, pelancongan, industri, perkhidmatan dan pengangkutan.


Perindustrian, kuari dan perlombongan serta pelancongan merupakan sektor tumpuan daerah Kuala Kangsar. Daerah Kuala Kangsar menjadi pengeluar buah-buahan, sayur-sayuran dan hasil komoditi seperti kelapa sawit, padi dan getah. Justeru itu, daerah Kuala Kangsar mampu menjana pendapatan yang banyak dengan memajukan agropelancongan. Daerah ini berpotensi untuk dibangunkan sebagai hab pendidikan. Daerah Kuala Kangsar sedang memfokuskan usaha untuk membangunkan Kuala Kangsar sebagai Bandar Diraja yang terkenal di peringkat

antarabangsa. Di samping itu, daerah Kuala Kangsar juga mempunyai sungai yang pernah menjadi tempat peradaban kemasyhuran Kesultanan Melayu Perak. Pelbagai kawasan menarik yang tersedia di daerah Kuala Kangsar akan diperkasakan untuk menarik lebih ramai pelancong ke daerah Bandar Diraja ini.

### **12.8.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi**

Daerah Kuala Kangsar dinobatkan sebagai *niche* Koridor Pelancongan Diraja Global.

Projek-projek yang difokuskan di daerah ini ialah:



## **12.9 Daerah Kampar**

### **12.9.1 Naratif**

Daerah Kampar bersempadan dengan negeri Pahang di bahagian timur, daerah Kinta di bahagian utara dan barat dan daerah Batang Padang di bahagian selatan. Kampar merupakan sebahagian daripada daerah Kinta sebelum diisytiharkan sebagai daerah ke-10 di negeri Perak. Kampar meliputi kawasan seluas 67,374.48 hektar yang merangkumi keseluruhan daerah Kampar (mukim Teja dan mukim Kampar), sebahagian mukim Chenderiang di daerah Batang Padang dan sebahagian mukim Sungai Raia di daerah Kinta. Sebahagian mukim Chenderiang dan mukim Raia ini merupakan kawasan pentadbiran Majlis Daerah Kampar.

Penempatan utama dalam daerah ini ialah Bandar Kampar dan Bandar Gopeng. Bandar Kampar merupakan bandar utama bagi daerah ini dan ia terletak kira-kira 40km daripada Bandaraya Ipoh. Selain itu, terdapat juga pekan-pekan kecil, iaitu Mambang Diawan, Malim Nawar, Jeram, Kota Bharu dan Sungai Siput Selatan.

Bilangan penduduk di daerah Kampar pada tahun 2020 dianggarkan seramai 104 ribu dengan 50 peratus penduduk lelaki dan 50 peratus penduduk perempuan. Terdapat 45.6 ribu buah kediaman yang menempatkan 30.2 ribu isi rumah dengan purata saiz isi rumah ialah 3.5. Daerah Kampar mempunyai 97.6 peratus warganegara dengan komposisi penduduk mengikut etnik ialah 37.9 peratus Bumiputera, 49.4 peratus Cina, 10.0 peratus India dan 0.3 peratus lain-lain. 2.4 peratus penduduk terdiri dalam kalangan bukan warganegara.

Guna tanah utama daerah Kampar ialah hutan, iaitu 36,484.2 hektar (54.5 peratus), diikuti oleh pertanian seluas 22,128.09 hektar (33 peratus), tanah kosong seluas 2,715.9 hektar (4 peratus), kawasan lapang dan rekreasi seluas 130.4 hektar

(0.19 peratus), kawasan badan air seluas 961.95 hektar (1.4 peratus) dan kawasan tepu bina seluas 4,577 hektar (6.8 peratus).


Kegiatan ekonomi di daerah Kampar melibatkan beberapa sektor penting seperti pendidikan, pertanian, penternakan ayam dan penternakan itik. Sektor pendidikan berkembang dengan terbinanya beberapa buah institusi pengajian seperti Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kolej Komuniti Gopeng, Akademi Kemahiran Kemas Gopeng, Giatmara Kampar dan Gopeng, Kolej Matrikulasi Gopeng dan Sekolah Berasrama Penuh Gopeng. Sektor pertanian pula meliputi Ladang Nanas Gopeng Berhad, HOGA Gaharu Tea Valley Gopeng dan RNE Guarana Valley Gopeng. Manakala sektor penternakan ayam pula merangkumi S.G Maniam Chicken Farm dan TCT Farm Sdn. Bhd dan sektor penternakan itik merangkumi Wing Hing Fatt Poultry Sdn. Bhd dan Yeok She Farm 3. Selain itu, terdapat juga peluang pekerjaan baharu yang ditawarkan kepada penduduk setempat ekoran pembukaan beberapa pasar raya seperti Pasar raya Lotus Kampar (Tesco), Pasar raya MYDIN RTC Gopeng dan Pasar raya ECONSAVE Kampar.

Daerah Kampar berpotensi untuk berkembang pesat selari dengan peningkatan kualiti infrastruktur, keunikan produk dan kepelbagaian resam budaya di lokasi-lokasi tumpuan pelancongan yang menonjolkan kelainan dan menjadi sumber tarikan pengunjung dan pelancong. Selain itu, kedudukan geografi yang bersempadan dengan Bandaraya Ipoh turut memberi kelebihan daripada aspek limpahan ekonomi dan pembangunan yang akhirnya membawa kepada kemunculan reater oh Pembinaan Hospital UTAR yang akan menyediakan rawatan moden dan tradisional Cina bakal memberi impak yang besar kepada pelancongan kesihatan (*medical and wellness tourism*) dan kelebihan ini akan dimanfaatkan bagi menarik pelancong dari selatan Asia Tenggara, khususnya Indonesia dan Indo China.

Pencarian sumber hasil baru menerusi konsep kerjasama antara PBT dan pengusaha-pengusaha ladang yang masih melaksanakan aktiviti penternakan di atas tanah milik kerajaan di daerah Kampar (Wilayah Ulu Geroh) berpotensi untuk dimajukan sebagai pintu masuk pengunjung ke Cameron Highlands jika terdapat kajian untuk mengadakan laluan perhubungan konsep baharu dari daerah Kampar ke Cameron Highlands. Selain itu, Gopeng turut berpotensi untuk dimajukan sebagai tempat tarikan pelancongan alternatif bagi kawasan Cameron Highlands yang semakin sesak.

### **12.9.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi**

Ekopelancongan difokuskan sebagai *niche* di daerah Kampar di samping memperkasakan agenda Koridor TVET Malaysia. Projek-projek yang digariskan untuk daerah ini ialah seperti berikut:



## **12.10 Daerah Perak Tengah**

### **12.10.1 Naratif**

Daerah Perak Tengah mempunyai keluasan tanah 1,282 km persegi. Bilangan penduduk di daerah Perak Tengah pada tahun 2020 dianggarkan seramai 112.3 ribu orang dengan 50 peratus lelaki dan 50 peratus perempuan. Kadar pertumbuhan penduduk tahunan di daerah ini ialah 0.4 peratus. Bilangan penduduk di Perak Tengah adalah yang kelima terendah di negeri Perak. Terdapat 32.0 ribu buah kediaman yang menempatkan 29.8 ribu isi rumah dengan purata saiz isi rumah ialah 3.8. Penduduk Perak Tengah terdiri daripada 96.18 peratus warganegara dengan komposisi mengikut etnik sebanyak 97.2 peratus Bumiputera, 1.2 peratus Cina, 1.3 peratus India dan 0.3 peratus lain-lain. 3.92 peratus penduduk di daerah Perak Tengah terdiri daripada bukan warganegara.

Daerah Perak Tengah terbentuk menerusi perubahan pentadbiran kerajaan tempatan. Sebelum ini, daerah kecil Parit merupakan sebahagian daripada daerah Kuala Kangsar, manakala Kampung Gajah terletak dalam daerah Hilir Perak. Daerah yang terletak di bahagian tengah negeri Perak ini bersempadan dengan daerah Kuala Kangsar di sebelah selatan, daerah Kinta di sebelah timur dan daerah Manjung di sebelah barat. Bentuknya memanjang dari utara ke selatan dengan Sungai Perak mengalir di bahagian tengah membahagikan daerah ini kepada dua bahagian kanan dan kiri.

Sektor perindustrian merupakan ekonomi utama di daerah Perak Tengah. Perak Tengah disasarkan sebagai pusat institusi ilmu dan pertanian moden di samping mengekalkan kualiti alam persekitaran semula jadi dan warisan sejarah. Pembangunan dan perkembangan institusi pendidikan tinggi boleh menjadikan

daerah Perak Tengah dan negeri Perak sebagai hab institusi ilmu. Selain itu, sektor ekonomi yang berasaskan sumber jaya sedia ada seperti pertanian, pelancongan, perindustrian dan komersial secara terkawal juga giat dikembangkan. Sistem jaringan jalan raya, lalu lintas dan pengangkutan awam yang menyeluruh dan bersepadu bagi mencapai tahap kebolehcapaian yang tinggi ke semua kawasan juga dinaikkan taraf.

Daerah Perak Tengah merupakan salah satu pengeluar utama tanaman padi di negeri Perak dan ia meliputi kawasan seluas 10,091 hektar, khususnya di bawah IADA Seberang Perak. Ia merupakan salah sebuah kawasan Jelapang Padi utama yang menjadi sumber bekalan tanaman makanan negara. Sepanjang tempoh perancangan, keluasan tanaman padi dijangka akan terus kekal. Usaha berterusan perlu diambil bagi meningkatkan hasil pengeluaran selaras dengan hasrat negara untuk meningkatkan produktiviti padi dan menyumbang ke arah sasaran sara diri beras negara pada tahap 70 peratus di samping objektif jaminan makanan negara dan jaminan makanan tempatan.

Bandar Seri Iskandar merupakan pusat perkhidmatan dan komersial bertaraf tinggi bagi segala fungsi (Pentadbiran, Pendidikan, Warisan dan Kebudayaan, Pelancongan dan Rekreasi Bandar). Selain itu, Pusat Petempatan Utama Kampung Gajah merupakan pusat perkhidmatan dan komersial bertaraf sederhana dan tinggi dan pusat industri ringan dan sederhana (IKS dan Industri Perkhidmatan). Pembangunan kawasan industri terancang akan turut digalakkan terutamanya yang melibatkan aktiviti berasaskan sumber tempatan dan pertanian dan hasil produk hiliran, iaitu produk nilai tambah kepada hasil pertanian. Seterusnya, pertanian dan sumber jaya desa merupakan sektor yang menyumbang kepada ekonomi Perak Tengah. Selain tanaman kelapa sawit dan padi, subsektor tanaman terutama sayuran-sayuran dan buah-buahan turut berpotensi untuk dieksploitasi bagi tujuan


pembangunan ekonomi di daerah Perak Tengah. Seterusnya, daerah Perak Tengah turut mempunyai Kompleks Pertanian Titi Gantong dan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Titi Gantong yang berperanan melahirkan lebih ramai usahawan agro. Subsektor perikanan berpotensi untuk dipergiatkan lagi bagi meningkatkan sumbangannya kepada pertumbuhan ekonomi daerah terutamanya aktiviti perikanan akuakultur, iaitu ternakan ikan dalam sangkar. Bekas lombong di mukim Pasir Panjang Hulu dan Kampung Gajah dan Sungai Perak boleh dimanfaatkan bagi mempergiatkan ternakan ikan dalam sangkar.

Antara tempat menarik di daerah ini ialah Kompleks Sejarah Pasir Salak. Ia merupakan sebuah kompleks peringatan bagi mengenang kembali perjuangan pahlawan-pahlawan Melayu seperti Datuk Sagor dan Datuk Maharajalela yang menentang penjajah. Selain itu, pengunjung yang datang ke daerah ini juga boleh melawat Kampung Gajah untuk melihat perusahaan labu dan pasu yang diperbuat daripada tanah liat. Di daerah ini juga diwujudkan sebuah Pusat Ternakan Tuntung bagi mengatasi masalah kepupusan di samping bertindak untuk memulihara ekosistem tuntung.



### **12.10.2      *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi**

Koridor TVET Malaysia akan diperkasakan di daerah Perak Tengah. Berikut merupakan antara projek-projek berimpak tinggi yang dirancang untuk daerah ini:



## **12.11 Daerah Manjung**

### **12.11.1 Naratif**

Manjung merupakan jajahan yang dahulunya dikenali dengan panggilan Dinding sebelum ditukar namanya menjadi daerah Manjung pada 1 Januari 1982. Ia merupakan satu unit pentadbiran yang merangkumi mukim Beruas dan Sitiawan. Semasa era penjajahan Inggeris, jajahan Dinding merangkumi tiga (3) buah kawasan utama, iaitu Sitiawan, Lumut dan Pulau Pangkor sahaja. Daerah Manjung pada awalnya ditadbir oleh Majlis Daerah Manjung yang ditubuhkan pada 1 Januari 1980 sebelum dinaikkan taraf sebagai Majlis Perbandaran Manjung (MPM) sebagaimana warta Kerajaan Negeri Perak pada 1 Ogos 2001. Kawasan operasi keseluruhan MPM ialah seluas 129,947.22 hektar dengan kepadatan penduduk 220 orang setiap kilometer persegi.

Bilangan penduduk di daerah Manjung pada tahun 2020 dianggarkan seramai 247.6 ribu orang dengan 52.3 peratus penduduk lelaki dan 47.7 peratus penduduk perempuan. Penduduk di daerah Manjung terdiri daripada 95.83 peratus warganegara dengan 56.3 peratus Bumiputera, 27.2 peratus Cina, 12 peratus India dan 0.33 peratus lain-lain berdasarkan komposisi mengikut etnik. Manakala, 4.17 peratus penduduk di daerah Manjung terdiri daripada penduduk bukan warganegara.

Antara sektor ekonomi yang terlibat di daerah Manjung ialah pertanian, perhutanan, perikanan, perlombongan kuari, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Sektor ekonomi pertama di daerah Manjung ialah perindustrian, perniagaan, perkhidmatan dan pertanian. Zon pembangunan di daerah Manjung terbahagi kepada beberapa buah zon seperti zon perbandaran utama, zon Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS), zon pertanian, zon industri akuakultur, zon pelancongan

pesisir pantai & Pulau Pangkor, zon perindustrian maju & khas dan zon perbandaran khusus & sekunder.

Daerah Manjung mempunyai 57 produk pelancongan yang menjadi tumpuan pelancong dari dalam dan luar negara. Produk pelancongan tersebut terbahagi kepada empat (4) kategori, iaitu pantai dan pulau, semula jadi, buatan manusia dan sejarah dan warisan budaya. Produk pelancongan daerah Manjung mempunyai kebolehcapaian yang agak rendah tetapi memiliki kualiti visual yang baik dan menarik. Antara lokasi yang mempunyai capaian yang rendah ialah Pusat Penetasan Penyu Pasir Panjang, Hutan Simpan Pasir Panjang, Bukit Engku Busu, Batu Bersurat, Hutan Simpan Pangkor Selatan dan Teluk Segadas. Terdapat 10 produk pelancongan yang memiliki kebolehcapaian sederhana dengan kualiti visual yang menarik, namun kurang dipromosikan seperti *River Cruise* Sungai Dinding dan Hutan Simpan Ulu Linchin. Pulau Bebas Cukai Pangkor (PBC) dicadangkan sebagai salah satu usaha kerajaan untuk menggalakkan industri perdagangan dan pelancongan.

### 12.11.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi

Hab Maritim dan Pelabuhan Nusantara akan diperkasakan di daerah Manjung. Berikut merupakan projek-projek yang difokuskan di daerah Manjung:



## **12.12 Daerah Kinta**

### **12.12.1 Naratif**

Daerah Kinta merupakan daerah kelima terbesar antara 12 buah daerah lain dengan keluasan tanah 130,500 hektar. Daerah ini mempunyai kepadatan penduduk tertinggi dengan peratus penduduk sekitar 33.6 peratus daripada populasi negeri. Pada tahun 2020, bilangan penduduk di daerah Kinta dianggarkan seramai 800.7 ribu orang dengan 49.7 peratus penduduk lelaki dan 50.3 peratus penduduk perempuan. Penduduk daerah Kinta terdiri daripada 96.46 peratus warganegara dengan komposisi mengikut etnik ialah 42.6 peratus Bumiputera, 40.47 peratus Cina, 13.06 peratus India dan 0.33 peratus lain-lain. Manakala, 3.54 peratus penduduk terdiri dalam kalangan bukan warganegara. Tanah di daerah Kinta terbahagi kepada 42.2 peratus hutan simpan, 22.1 peratus tanah pertanian, 21.1 peratus bagi tujuan lain-lain dan 14.6 peratus bagi tujuan pembangunan dan perindustrian. Daerah ini dikenali sebagai pusat utama kegiatan ekonomi negeri, pentadbiran kerajaan dan perindustrian.

Daerah Kinta dibangunkan dengan sejarah kecemerlangan Lembah Kinta menerusi hasil aktiviti perlombongan bijih timah yang terkenal suatu ketika dahulu sehingga ke peringkat nasional. Hasil bumi ini dianggarkan menjadi penyumbang 60 peratus kepada ekonomi negeri Perak suatu masa dahulu di samping menjadi penyumbang kepada ekonomi Malaysia. Kini, pelbagai aktiviti dapat dilihat tidak kira daripada sektor perindustrian, pertanian dan industri pelancongan.

Kedudukannya yang strategik, iaitu terletak di tengah-tengah wilayah, dan mempunyai sumber tenaga sedia ada yang tinggi dan pelbagai menjadikan daerah Kinta berpotensi untuk dikembangkan lagi. Antara sektor tumpuan utama di daerah

Kinta ialah perindustrian, pusat perniagaan, pelancongan warisan dan rekreasi. Hal ini mampu melonjakkan lagi negeri Perak ke tahap yang lebih tinggi. Perancangan semasa di daerah Kinta telah dijenamakan sebagai *Greater Ipoh* yang bertujuan untuk merancakkan lagi perbandaran dan juga aktiviti pelancongan. Ia juga merupakan inisiatif bagi menjadikan daerah Kinta sebagai pusat inovasi utama negeri. Inisiatif ini dikembangkan lagi dengan rangkaian pertumbuhan koridor menerusi ekonomi rentas daerah yang melibatkan Taiping dan Pulau Pangkor. Produk pelancongan pula akan diklusterkan bagi merancakkan lagi aktiviti pelancongan negeri Perak yang mampu menarik pelancong domestik dan luar negeri.

### 12.12.2 *Niche* dan Projek Berimpak Tinggi

Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara dijadikan *niche* untuk daerah Kinta. Projek-projek berimpak tinggi yang digariskan ialah seperti berikut:



## **13.0 STRUKTUR TADBIR URUS DAN RUMUSAN PERAK SEJAHTERA 2030**

### **13.1 Struktur Tadbir Urus Perak Sejahtera 2030**

Tadbir urus pembangunan dan pengurusan merupakan salah satu konsep yang sering diperkatakan dalam pentadbiran dalam memastikan keberkesanan penyampaian sektor awam. Di samping itu, ia juga dilihat sebagai satu bentuk kriteria prestasi dalam sesebuah kerajaan. Bagi memastikan Perak Sejahtera 2030 ini berjaya dilaksanakan, Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja Perak Sejahtera 2030 akan ditubuhkan untuk menyelaras pelaksanaan pelan ini. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh YAB Menteri Besar Perak bersama-sama dengan YB Setiausaha Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan.

Tempoh pelaksanaan Pembangunan Perak Sejahtera 2030 ialah selama lapan (8) tahun bermula dari tahun 2022 hingga tahun 2030. Jawatankuasa akan bersidang sekurang-kurangnya sekali setahun bagi mendapatkan laporan kemas kini dan mengatur hala tuju pelaksanaannya. Bagi memastikan agensi/pelaksana memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing, pemantauan akan dijalankan setiap tahun dan kajian semula akan dilakukan pada setiap dua (2) tahun bagi menyelaras hala tuju projek yang digariskan bersesuaian dengan cabaran dan keperluan semasa dengan mengambil kira senario baru perubahan persekitaran dan tumpuan strategik negeri Perak. Bagi projek yang tidak mencapai sasaran, jawatankuasa pemandu akan memberi garis panduan dan mencadangkan kaedah-kaedah yang sewajarnya bagi mencapai sasaran seperti ditetapkan demi kesejahteraan rakyat.

Berikut merupakan struktur dan tanggungjawab jawatankuasa Perak Sejahtera 2030:



**Rajah 13.1: Struktur Jawatankuasa Pemandu Perak Sejahtera 2030**

Jawatankuasa	Perincian Tugas
Jawatankuasa Pemandu Perak Sejahtera 2030	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Memastikan Perak Sejahtera 2030 dipantau secara tahunan menggunakan:                         <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Indeks Kesejahteraan Perak</li> <li>b. Pengukuran Menggunakan Ekonomi Donat</li> </ol> </li> <li>2) Memastikan Perak Sejahtera 2030 disemak:                         <ol style="list-style-type: none"> <li>a. 2025: Kajian Semula Separuh Penggal</li> <li>b. 2028: Pelarasan Menuju Perak Sejahtera</li> <li>c. 2030: Semakan Pencapaian Keseluruhan</li> </ol> </li> <li>3) Memastikan pelan tindakan projek mengikut sektor seperti dalam Catatan Pacuan Direktori Sehenti Projek Pembangunan Negeri Perak dilaksanakan.</li> <li>4) Memastikan program <i>flagship</i> Perak Sejahtera 2030 dilaksanakan.</li> <li>5) Memberi cadangan penambahbaikan dan memudah cara pelaksanaan projek.</li> <li>6) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun.</li> </ol>

**Rajah 13.2: Struktur Jawatankuasa Kerja Perak Sejahtera 2030**

Jawatankuasa	Perincian Tugas
<p>Jawatankuasa Kerja Perak Sejahtera 2030</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Memantau pelaksanaan pengukuran pencapaian Perak Sejahtera 2030 menggunakan:               <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Indeks Kesejahteraan Perak</li> <li>b. Pengukuran Menggunakan Ekonomi Donat</li> </ol> </li> <li>2) Memantau pelaksanaan program dan projek mengikut hala tuju yang telah ditetapkan melalui:               <ol style="list-style-type: none"> <li>a. Majlis Tindakan Daerah</li> <li>b. Jawatankuasa Peneraju Projek <i>Flagship</i></li> </ol> </li> <li>3) Mengenal pasti isu-isu berbangkit bagi memastikan kebolehcapaian Perak Sejahtera 2030.</li> <li>4) Memantau pelaksanaan semakan Perak Sejahtera 2030:               <ol style="list-style-type: none"> <li>a. 2025: Kajian Semula Separuh Penggal</li> <li>b. 2028: Pelarasan Menuju Perak Sejahtera</li> <li>c. 2030: Semakan Pencapaian Keseluruhan</li> </ol> </li> <li>5) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.</li> </ol>

Jawatankuasa Kerja Perak Sejahtera 2030 pula dipecahkan kepada tiga jawatankuasa kecil, iaitu Jawatankuasa Pemantauan Indeks Kesejahteraan Perak, Jawatankuasa Semakan Semula Perak Sejahtera 2030 dan Jawatankuasa Peneraju Program *Flagship* dan Projek Perak Sejahtera 2030. Berikut merupakan struktur dan perincian tanggungjawab jawatankuasa kecil:

**Rajah 13.3: Struktur Jawatankuasa Pemantauan Indeks Kesejahteraan Perak**

Jawatankuasa	Perincian Tugas
Jawatankuasa Pemantauan Perak Sejahtera 2030	<ol style="list-style-type: none"> <li>1) Merancang dan melaksanakan pemantauan Indeks Kesejahteraan Perak dan pengukuran Model Ekonomi Donat.</li> <li>2) Melaksanakan libat urus bersama-sama pemilik data dan pemegang taruh.</li> <li>3) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya dua (2) kali setahun.</li> </ol>

**Rajah 13.4: Struktur Jawatankuasa Semakan Semula Perak Sejahtera 2030**

<b>Jawatankuasa</b>	<b>Perincian Tugas</b>
Jawatankuasa Semakan Semula Perak Sejahtera 2030	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Merancang semakan semula Perak Sejahtera 2030.</li><li>2) Mengadakan bengkel persediaan, semakan dan pemurnian Perak Sejahtera 2030.</li><li>3) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun.</li></ol>

**Rajah 13.5: Struktur Jawatankuasa Peneraju Program *Flagship* dan Projek Perak Sejahtera 2030**

<b>Jawatankuasa</b>	<b>Perincian Tugas</b>
Jawatankuasa Peneraju Program <i>Flagship</i> dan Projek Perak Sejahtera 2030	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Merancang gerak kerja program <i>flagship</i> Perak Sejahtera 2030.</li><li>2) Mengadakan pemantauan berkala program <i>flagship</i> dan projek-projek yang disenaraikan dalam Perak Sejahtera 2030.</li><li>3) Melaksanakan libat urus dengan peneraju projek <i>flagship</i> dan pemegang taruh projek-projek dalam Perak Sejahtera 2030.</li><li>4) Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya sekali setahun.</li></ol>

## 13.2 Rumusan

Perak Sejahtera 2030 merupakan dokumen sehati perancangan pembangunan sosioekonomi negeri Perak. Kerajaan Negeri Perak menyedari bahawa rancangan pembangunan yang dinamik dan progresif merupakan satu tuntutan ke arah kemajuan. Justeru, rancangan pembangunan yang bersifat realistik, dinamik dan boleh capai diwujudkan bagi mencapai kemakmuran dan kesejahteraan. Kewujudan Perak Sejahtera 2030 merupakan rancangan jangka panjang yang menyeluruh dalam usaha untuk mengoptimumkan kesejahteraan negeri dengan memberi tumpuan kepada tiga (3) kategori kesejahteraan insaniah, iaitu sejahtera sosial, sejahtera ekonomi dan sejahtera politik. Kesejahteraan insaniah ini diharapkan dapat menzahirkan peluang, meningkatkan pendapatan di samping menghasilkan kehidupan yang berkualiti.

Pelan ini hanya akan terlaksana dengan jayanya apabila perancang, pembuat dan pelaksana polisi dan rakyat Perak mempunyai daya pemikiran kelas pertama. Oleh itu, cabaran utama negeri ialah untuk menyejajarkan pemikiran pentadbir dan rakyat Perak bertaraf kelas pertama. Perubahan tingkah laku (*behavioural change*) terutamanya minda dan sikap rakyat Perak amat signifikan kerana negeri Perak memiliki keistimewaan, kelebihan dan kekuatan daripada segi bilangan sumber manusia, sumber buatan dan sumber alam. Perubahan tingkah laku insan kelas pertama menjamin kelebihan yang ada dapat digarap untuk mencapai maksud matlamat, tujuan dan sasaran Perak Sejahtera 2030. Natijahnya, rumusan terpenting dan cadangan Perak Sejahtera 2030 ialah terdapat keperluan terhadap perubahan tingkah laku rakyat Perak ke arah:

### **Minda Kelas Pertama dalam Pemilikan Sumber Kelas Pertama**

## 14.0 RUJUKAN

- DEAL. (2020). *About Doughnut Economics*. Bahan diakses pada 28 Mac 2022, daripada <https://doughnuteconomics.org/about-doughnut-economics>
- Kate Raworth. (2017). *Doughnut Economics Seven Ways to Think Like a 21st-Century Economist*. London: Random House Business Books.
- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan. (2021). *Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025*. Bahan diakses pada 1 April 2022, daripada <https://www.mafi.gov.my/pelan-tindakan-dasar-sekuriti-makanan-2021-2025>
- Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. (2021). *Laporan Banjir Tahunan 2020*. Putrajaya: Kementerian Alam Sekitar dan Air.
- Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2010). *Rancangan Struktur Negeri Perak 2020*. Putrajaya: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2017). *Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030*. Putrajaya: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. (2021). *Rancangan Struktur Negeri Perak 2040*. Putrajaya: Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). *Indikator Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Anggaran Penduduk Semasa Malaysia 2020*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia 2019*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). *Laporan Sosioekonomi Negeri Perak 2019*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Laporan Sosioekonomi Negeri Perak 2020*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Malaysia, Unit Komunikasi Korporat. (2020). *Northern Corridor Economic Region Strategic Development Plan (2021-2025)*. Pulau Pinang: NCER Malaysia.
- Malaysia, Unit Komunikasi Korporat. (2020). *Northern Corridor Economic Region Strategic Development Plan (2021-2025) COVID-19 Impact and Mitigation Strategies, Projects & Programmes*. Pulau Pinang: NCER Malaysia.
- Malaysia. (2016). *Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan Rancangan Tempatan Daerah Muallim*. Putrajaya: PLANMalaysia.

- Malaysia. (2016). *Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 Jilid 1: Strategi dan Cadangan Pembangunan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2016). *Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 Jilid 2: Kawalan Perancangan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2016). *Rancangan Tempatan Daerah Kampar 2030 Jilid 3: Pengurusan dan Pelaksanaan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2016). *Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah Jilid 1: Strategi Pembangunan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2016). *Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah Jilid 2: Kawalan Perancangan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2016). *Rancangan Tempatan Majlis Daerah Batu Gajah Jilid 3: Pengurusan & Pelaksanaan dan Penilaian Kemampanan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030 Jilid 1: Strategi Pembangunan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030 Jilid 2: Kawalan Perancangan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Hulu Perak 2030 Jilid 3: Pengurusan dan Pelaksanaan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 Jilid 1: Strategi Pembangunan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 Jilid 2: Kawalan Perancangan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Manjung 2030 Jilid 3: Pengurusan dan Pelaksanaan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 Jilid 1: Strategi Pembangunan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 Jilid 2: Kawalan Perancangan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Perak Tengah 2030 Jilid 3: Pengurusan dan Pelaksanaan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030 Jilid 1: Strategi Pembangunan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030 Jilid 2: Kawalan Perancangan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2017). *Rancangan Tempatan Daerah Selama 2030 Jilid 3: Pengurusan dan Pelaksanaan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2018). *Laporan Analisis & Strategi Pembangunan Rancangan Tempatan Daerah Bagan Datuk 2035*. Putrajaya: PLANMalaysia.

- Malaysia. (2018). *Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 Jilid 1: Strategi Pembangunan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2018). *Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 Jilid 2: Kawalan Perancangan*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2018). *Rancangan Tempatan Daerah Larut Matang 2035 Jilid 3: Penilaian Kemampanan, Pengurusan & Pelaksanaan & Kerangka Sistem Apps Semakan Guna Tanah*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2019). *Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*. Putrajaya: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.
- Malaysia. (2020). *Laporan Analisis & Strategi Pembangunan Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2020). *Laporan Analisis & Strategi Pembangunan Rancangan Tempatan Daerah Batang Padang 2035 (Penggantian)*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2020). *Laporan Analisis Strategi Pembangunan Kajian Rancangan Tempatan Daerah Kuala Kangsar 2035 (Penggantian)*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2020). *Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2035*. Putrajaya: PLANMalaysia.
- Malaysia. (2021). *Dasar Perpaduan Negara*. Putrajaya: Kementerian Perpaduan Negara.
- Malaysia. (2022). *Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Analisis Data Raya*. Perak: Institut Darul Ridzuan.
- Malaysia. (2022). *Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Direktori Seheni Projek Pembangunan Perak*. Perak: Institut Darul Ridzuan.
- Malaysia. (2022). *Catatan Pacuan Perak Sejahtera 2030: Pembangunan Modal Insan*. Perak: Institut Darul Ridzuan.
- Malaysia. (2022). *Dokumen Utama Perak Sejahtera 2030*. Perak: Institut Darul Ridzuan.
- Malaysia. (2022). *Laporan Interim Pelan Perindustrian (P3)*. Perak: InvestPerak.
- United Nations. (2015). *The 2030 Agenda for Sustainable Development*. Bahan diakses pada 31 Mac 2022, daripada <https://sdgs.un.org/goals>
- Firdaus Azil. (2020). *Indeks Kesejahteraan Rakyat Meningkat, Ini yang Anda Perlu Tahu*. Bahan diakses pada 24 Disember 2021, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/indeks-kesejahteraan-rakyat-meningkat-ini-yang-anda-perlu-tahu-275446>